AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

# ڤليتا بروني
# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 41 | RABU 14 OKTOBER, 1987. | 1408 رابو 20 صفر | PERCUMA



## Kebawah DYMM berangkat melawat ke beberapa institusi membenteras dadah

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat melawat Unit Anti Dadah, Kementerian Pelajaran, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pusat Pemulihan Dadah Sementara di Muara pada 6 Oktober yang lalu.**

**Keberangkatan baginda ketiga-tiga tempat berkenaan diiringi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.**

**Dalam gambar kiri kelihatan baginda mendengarkan penerangan mengenai ujian-ujian yang telah dijalankan di Unit Anti Dadah oleh salah seorang pegawai unit berkenaan sambil diperhatikan oleh Datin Masni binti Haji Ali, ketua Unit Anti Dadah. — Gambar oleh Pg Abu Bakar PHO.**

**Berita lanjut dan gambar-gambar disiarkan di muka 12 dan 13.**

## Kebawah DYMM utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos I, Raja Sepanyol bersempena dengan Hari Kebangsaan Sepanyol pada 12 Oktober, 1987.

## Untuk mencipta satu dunia yang aman

# Beri kewajipan politik kepada PBB

*oleh: Hj Mohamad Salim*

**NEW YORK — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menegaskan negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sewajarnya memberi kewajipan politik yang diperlukan kepada badan dunia itu untuk mengekalkan pergerakannya di samping menghormati resolusi yang diluluskan.**

Duli Yang Teramat Mulia percaya, jika semua negara ada kemahuan dan azam untuk mencipta satu dunia yang aman damai, maka dengan cara demikian kejayaan pasti dicapai.

"Adalah menjadi peranan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menggalakkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Kita berilah peluang kepada Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mencapai kejayaan," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Berucap di Perhimpunan Agung ke-42 pertubuhan itu di sini pada 6 Oktober lepas, Duli Yang Teramat Mulia bersabda tahun 1986, telah pun diisytiharkan sebagai Tahun Keamanan Antarabangsa, tetapi tidak sedikit pun terdapat perubahan dalam keadaan dunia

"Meskipun terdapat beberapa kejadian di tahun yang lalu yang memberi sedikit sinar harapan di masa hadapan; harapan bagi sebuah dunia yang lebih baik, sebuah dunia yang lebih aman..., tahun tersebut berakhir dengan tiada sebarang pertanda persengketaan tahun 1980an itu akan berakhir," sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda, negara-negara rantau teluk mengambil perhatian berat terhadap serangan

Lihat muka 9

### MANISNYA IMAN

"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Siapa yang memakan tujuh tamar yang tumbuh di tanah yang berbatu hitam (Kota Madinah) di waktu pagi nescaya racun tidak membahayakan kepadanya sampai petang." — Hadis Nabi riwayat Muslim dari Saad bin Abu Waqas radhiallahuan.

### PETIKAN TITAH

**"OLEH kerana penyalahgunaan dadah adalah merupakan ancaman kepada masyarakat keseluruhannya maka adalah menjadi kewajipan seluruh masyarakat supaya memberikan kerjasama dengan sepenuhnya kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam usaha untuk mencegah bahaya ini."**

*Dititahkan sempena menyambut tahun baru 1986 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen pada 1 Januari, 1986.*

## Selamatkan keluarga awda dengan menjauhi penyalahgunaan dadah

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

14 OKTOBER, 1987

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang*

## MENGURANGKAN KETEGANGAN POLITIK ANTARABANGSA

NEGARA kita sekali lagi menyuarakan harapan supaya negara-negara yang menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berusaha mengurangkan ketegangan politik antarabangsa yang semakin membimbangkan ketika ini. Usaha-usaha demikian perlu dilaksanakan dengan segera oleh pihak-pihak yang terlibat sama ada terhadap negara jiran atau masalah politik dalam negara masing-masing terutama yang melibatkan soal-soal hak dan kemanusiaan.

Harapan negara kita itu telah disuarakan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah ketika bersabda di Perhimpunan Agung ke-42 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York baru-baru ini.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, tahun 1986 telah diisytiharkan sebagai 'Tahun Keamanan' oleh Perhimpunan Agung. Tetapi malangnya setelah tahun itu berlalu, masih tidak terdapat sebarang perubahan yang menggembirakan terhadap situasi dunia ke arah harapan sejagat yang menginginkan sebuah dunia yang lebih baik dan penuh aman.

Walaupun hujah-hujah Duli Yang Teramat Mulia yang disabdakan di perhimpunan itu merupakan lanjutan terhadap isu-isu politik dunia antarabangsa yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena penerimaan keanggotaan negara ini ke dalam pertubuhan itu tiga tahun yang lalu, namun ianya tetap merupakan dasar luar negara yang bertali arus dan tidak akan berubah kerana menurut baginda sebagai sebuah negara yang kecil, kita menghargai kesan moral dan undang-undang dan akan sentiasa berusaha untuk mencapai kata sepakat antara kedua-dua prinsip tersebut dan corak kita mengendalikan hal-ehwal dunia.

Pada hakikatnya negara kita tetap menghormati kedaulatan wilayah dan tidak mahu campur tangan terhadap masalah dalaman negara-negara lain. Tetapi sebagai sebuah negara yang inginkan perdamaian dan keselamatan dunia yang berkekalan, tentunya persengketaan politik dan situasi keamanan dunia yang diancam oleh kuasa-kuasa yang tidak menghormati Piagam PBB terus berkecamuk hingga ke hari ini, tidak dapat memberi jaminan positif untuk kita dapat mengembangkan perancangan pembangunan negara. Lebih-lebih lagi pada menjamin survival bangsa dan negara kita yang selamat untuk masa depan.

Isu pertikaian Perang Teluk Iran dan Iraq dan implikasinya terhadap keamanan rantau itu setelah lebih tujuh tahun berlalu masih belum berakhir. Kini telah melibatkan pula armada-armada tentera kuasa-kuasa besar turut bermain catur di kawasan tersebut adalah amat memerlukan kedua belah pihak menghentikan persengketaan.

Demikian juga masalah pendudukan tentera-tentera Afrika Selatan di Namibia, Israel di Palestin, Russia di Afghanistan dan Vietnam di Kampuchea. Berbagai usaha telah dilakukan ke arah mencari penyelesaian isu tersebut. Tinggal lagi pihak-pihak yang terlibat masih menunjukkan kedegilan mereka dengan sikap perluasan imperialisme yang tidak mahu memberi kesempatan kepada rakyat negara-negara berkenaan untuk memilih dan menentukan bentuk pemerintahan dan masa depan mereka sendiri.

Masalah kemanusiaan diancam oleh dasar apartheid di Afrika Selatan terus tidak diindahkan adalah memerlukan tekanan antarabangsa yang bersungguh-sungguh ke atas regim Pretoria untuk mengubah dasar mereka. Demikian juga terhadap persoalan mengurangkan senjata nuklear antara kuasa-kuasa besar dunia. Negara kita amat mengalu-alukan perjanjian pengurangan senjata demikian oleh Amerika Syarikat dan Russia kerana dunia kini sudah cukup memiliki senjata-senjata pemusnah tanpa nuklear.

Untuk mencari penyelesaian demikian, semua pihak yang terlibat mestilah bersedia untuk meredakan ketegangan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlulah diberi peluang untuk mencapai huraian keamanan dan keselamatan dunia. Setiap negara anggota mestilah menghormati sebarang keputusan yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung. Sebarang penyelesaian atas pertikaian politik yang wujud itu tidak akan dapat diselesaikan melalui kekuatan dan tekanan senjata, sebaliknya penyelesaian di meja perundingan adalah sebaik-baik jalan mencapai perdamaian berkekalan.

Duli Yang Teramat Mulia menekankan, ''Jika kita semua ada kemahuan, dan keazaman untuk mencipta satu dunia yang aman damai, saya percaya yang kita semua akan berjaya. Kegagalan adalah terlalu berat untuk kita semua tanggungi.''



**SABDA ucapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam semasa Sidang ke-42 Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 6 Oktober, 1987.**

## Penghapusan senjata nuklear

# Pengaruhi keadaan politik a-bangsa

Tuan Presiden,

DENGAN rasa penuh gembira saya ingin mengucapkan tahniah kepada tuan atas pemilihan sebulat suara sebagai Presiden sidang keempat puluh dua Perhimpunan Agung ini. Negara tuan merupakan salah sebuah daripada banyak negara yang saya catat dan hargai kerana mengalu-alukan Brunei Darussalam semasa kemasukan negara kami ke badan dunia yang agung ini dalam tahun 1984. Saya yakin bahawa dengan kebijaksanaan dan pengalaman tuan sudah tentunya akan dapat memimpin sidang ini ke arah pencapaian yang membuahkan kejayaan.

Tahniah kami jua ditujukan kepada bekas presiden, Menteri Luar Bangladesh atas tugasnya yang cemerlang sebagai Presiden Sidang ke-41 Perhimpunan Agung itu.

Kepada Setiausaha Agung, perwakilan saya ingin melafazkan penghargaan atas usahanya yang tidak putus-putus dengan penuh kesabaran dan kesungguhan, kualiti yang menjadi contoh untuk kita semua.

Tuan Presiden,

Dua belas bulan telah pun berlalu sejak Perhimpunan Agung yang lalu. Tiada sedikit pun perubahan dalam keadaan di dunia meskipun terdapat beberapa kejadian di tahun lalu yang memberi sedikit harapan di masa hadapan: harapan bagi sebuah dunia yang lebih baik, sebuah dunia yang lebih aman.

Tuan Presiden,

Perhimpunan Agung mengisytiharkan tahun 1986 sebagai Tahun Perdamaian Antarabangsa. Tahun tersebut berlalu dengan tiada sebarang pertanda persengketaan tahun 1980-an itu akan berakhir — sebagai misalan, perang yang menumpahkan darah yang tidak patut berlaku dan yang mengerikan di antara Iran dan Iraq terus berleluasa. Negara-negara jiran mereka mengambil berat terhadap serangan yang kian memuncak di negara kedua belah pihak terhadap perkapalan di Perairan Teluk yang sudah tentunya memberi kesan politik yang amat buruk. Kini adalah jelas kepada kedua belah pihak bahawa pertikaian ini hanya dapat diselesaikan dengan jalan perundingan. Oleh yang demikian, Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan Resolusi 598 Majlis Keselamatan Tahun 1987. Negara Brunei Darussalam juga menyeru agar kedua belah pihak memberi kerjasama kepada Setiausaha Agung dengan mematuhi bagi diadakan gencatan senjata dengan sertamerta.

Tuan Presiden,

Bila membincangkan tentang keadaan politik di Timur Tengah, kita perlu menimbangkan isu yang lebih meluas ke atas pertikaian Arab-Israel. Masalah utama dari pertikaian ini ialah soal Palestin.

Lihat muka 6

## Perubahan dan pembaharuan teknologi

# Bawa kejayaan dalam sistem pendidikan

BAGI pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rakyat Brunei Darussalam, saya terlebih dahulu mengalu-alukan dengan penuh mesra kedatangan tuan-tuan dan puan-puan ke Brunei Darussalam. Peranan yang begitu penting dan sumbangan yang bernilai yang dimainkan oleh para penyelia sekolah yang dapat menjamin mutu pendidikan tidak perlu diulang lagi. Meskipun demikian saya merasa gembira bahawa pertubuhan ini telah dapat berjalan dengan jayanya atas isu ini dalam kesemua sembilan simposium yang lalu, dan adalah diharapkan simposium ini juga mendatangkan faedah bukan sahaja kepada mereka yang melaksanakannya tetapi juga kepada mereka yang membuat dasar.

Memandangkan simposium ini akan meninjau cara-cara dan kaedah untuk menggunakan pada kadar maksima segala sumber-sumber baik dari segi tenaga manusia mahupun kebendaan — saya rasa adalah berfaedah bagi saya mengenakan pendekatan secara makro dalam ucapan ini dengan mengemukakan beberapa isu dan cabaran yang sedang dan akan terus dihadapi oleh rantau kita. Pada pandangan saya isu dan cabaran ini adalah penting bagi faedah kita bersama untuk memperolehi kecemerlangan dalam bidang pendidikan, dan dalam kontek ini, para penyelia sekolah mestilah bertindak dan memberi sambutan yang 'flexible' dan dengan imajinasi

Ditinjau dari statistik pendaftaran UNESCO, semua negara di Asia Tenggara dan Rantau Pasifik telah mencapai kemajuan besar yang begitu mengkagumkan dalam mengembangkan sistem pendidikan formal mereka sejak 20 tahun yang lalu. Pencapaian pendidikan yang besar ini amat berkesan sekali bilamana seseorang memikirkan pembatasan ekonomi, kekurangan tenaga manusia serta halangan-halangan lain yang dihadapi oleh kebanyakan negara. Perkembangan yang berterusan ini dalam keperluan pendidikan manusia merupakan isu penting yang pertama yang perlu kita pertimbangkan dengan serius. Keperluan pembelajaran ini tidak hanya meningkat dengan besar, tetapi berubah cirinya secara berperingkat yang berpunca dari kombinasi beberapa kuasa. Ini termasuklah:



**UCAPAN penuh Yang Berhormat Menteri Pelajaran Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman sempena Pembukaan Simposium Serantau yang ke-10 bagi Penyelia-penyelia Sekolah Asia Tenggara dan Pasifik pada 28 September, 1987.**

Lihat muka 7





KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Hari Pandu Puteri 1987 telah diiringi oleh Pesuruhjaya Negara Persatuan Pandu Puteri, Datin Paduka Hajjah Zahrah (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan mengurniakan hadiah kepada salah seorang Brownies yang memenangi salah satu acara sukan di sambutan Hari Pandu Puteri '87 (atas).

# KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI RASMI HARI PANDU PUTERI

Oleh Dk. Fatimah PHMN
Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO

GADONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha selaku Penaung Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat merasmikan majlis sambutan Hari Pandu Puteri juga bersempena Hari Keputeraan baginda bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Diraja di sini pada 11 Oktober lalu.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dijunjung oleh Pesuruhjaya Negara Persatuan Pandu Puteri, Datin Paduka Hajjah Zahrah bte Haji Idris dan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi persatuan itu.

Di majlis itu, baginda kemudiannya berkenan menyaksikan berbagai acara yang dipersembahkan oleh ahli-ahli jawatankuasa pemimpin-pemimpin pandu puteri dan anak-anak brownies.

Di akhir majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha juga berkenan menerima tabik hormat dalam perbarisan berjalan lalu dari lebih dua ribu orang pandu puteri seluruh negara termasuk anak-anak brownies yang diketuai oleh Persatuan Pandu Puteri Daerah Brunei-Muara dan seterusnya baginda berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang yang berjaya dalam acara sukan.

Pasukan Pandu Puteri cawangan Daerah Brunei-Muara terpilih sebagai cawangan daerah terbaik bagi tahun 1987 dan merebut piala yang dikurniakan oleh baginda. Manakala pasukan pandu puteri terbaik ialah Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara menerima piala Puteri Hajjah Masna dan pasukan brownies terbaik 1987 ialah Taman Asuhan Pack Happy dari Tutong dan menerima piala Datin Masni. Pasukan-pasukan terbaik adalah berdasarkan kegiatan, keahlian, kedatangan, penglibatan dalam semua kegiatan peringkat daerah dan negara.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam. Juga hadir ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Timbalannya serta beberapa orang pegawai kanan kerajaan.



PANDU-PANDU Puteri dari keempat daerah berlumba-lumba memakai pakaian seragam Pandu Puteri dalam acara 50 meter memakai baju (atas).



SEBAHAGIAN daripada kira-kira 2,500 orang Pandu Puteri dan Brownies dari seluruh negara yang menyertai Hari Pandu Puteri tahun ini (kanan).




IKRAR Pandu Puteri dibacakan beramai-ramai sebagai tanda sambutan Hari Pandu Puteri 1987.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-402

# SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

### Bahagian Kedua belas

PERKARA turun Nabi Isa Alaihis Sallam dan keluar Ad-Dajal dan keluar Al-Imam Al-Mahdi Al-Muntadzir pada akhir zaman tiada disebutkan sebagai perkara khilaf di dalam kitab-kitab Tauhid, sebagaimana disebutkan perkara-perkara khilaf seperti Af'aalul 'Ibaad, Ru'yatullah, Al-Mi'raaj, azab kubur dan sebagainya. Lihat Al-Fiqhul akhbar bagi Al-Imam Abu Hanifah, Al-'Aqaaidut Tahaawiyyah Lil Imam At-Tahaawi, Al-Ibaanah bagi Al-Imam Al-Ash'ari, kitab-kitab Tauhid itu menyebutkan perkara tanda-tanda hari kiamat sebagai perkara yang tiada khilaf dan tiada bertikai padanya. Bahkan kitab Al-Insaf karangan Al-Imam Al-Baaqillaani yang meninggal tahun 403 Hijrah dan kitab Al-Farqu Bainal Firaq dan kitab Usuuluddin kedua-duanya karangan Al-Imam Abi Mansur Abdul Qahar Al-Baghdaadi yang meninggal tahun 429 Hijrah dan kitab At-Tabsiiru fiddiini watamyizul firqatin Naajiyati 'Anil Firaqil Haalikiin karangan Al-Imam Abu Al-Muzaffaril Asfaraayini yang meninggal tahun 471 Hijrah. Dan kitab Al-Irshaadu Ilaa Qawaati'il Adillati Fii Usuulil I'tiqad dan Al-'Aqiidatun Nizaamiyyah kedua-duanya karangan Imam Al-Haramain Abi Al-Ma'ali Abdul Malik Al-Jawaini yang hidup tahun 419 sehingga 478 Hijrah, kitab-kitab Tauhid ini nampaknya tiada menyebutkan perkara tanda hari kiamat, sebab tanda-tanda hari kiamat seperti turun Nabi Isa dan keluar Ad-Dajal dan Al-Imam Al-Mahdi itu suatu perkara telah diketahui oleh orang ramai Islam dan perkara-perkara itu tiada ada khilaf sebagaimana yang kita fahamkan dari setengah-setengah ibarat yang disebutkan dalam setengah-tengah dari kitab-kitab itu setelah saya baca kitab-kitab tersebut.

Kemudian kitab Al-'Aqaaidun Nasafiyyatu lil Imam Najmuddin 'Amizun Nasafi yang hidup tahun 461 sehingga 537 Hijrah ada menyebutkan tanda hari kiamat dan dikuatkan oleh pensyarahnya Al-Imam Sa'duddin Al-Taftaazaani yang hidup tahun 712 sehingga 791 Hijrah. Dia berkata hadis-hadis yang sahih dalam perkara tanda-tanda hari kiamat banyak sangat, telah diriwayatkan dalam hadis-hadis Nabi dan Athar-Athar sahabat akan tafsilnya dan kaifiatnya hendaklah kamu cari dari kitab-kitab tafsir, Sirah-sirah dan Tarikh-tarikh.

Al-Imam Al-Kadhi A'dhud pengarang Al-Mawaaqif yang meninggal tahun 753 Hijrah tiada menyebutkan tanda-tanda hari kiamat dalam kitabnya Al-'Aqaaidul 'Adhdiyyah.

Al-Imam Kamaluddin bin Al-Humam yang hidup tahun 790 sehingga 861 Hijrah dalam Al-Musaayaratu fil 'Aqaaidil Mujiyati fil Aakhirah menyebutkan sebahagian dari tanda-tanda hari kiamat, dan pensyarahnya sebagaimana disifatkan oleh Al-Imam Ibnu Hajar dengan Al-Imam Al-Allamah Al-Muhaddithul Fiqqiyyah Al-Hafiz Zainuddin Abu Al-'Adli Qasim bin Qatlubugha yang hidup tahun 802 sehingga 879 Hijrah telah menyebutkan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana telah diriwayatkan oleh ulama-ulama hadis dan ulama-ulama agung yang macam gunung ilmu mereka. Tamat katanya. Yakni Al-Imam Ibnu Qatlubugha menyebutkan perkara kedatangan Al-Imam Al-Mahdi yang diriwayatkan oleh Imam-Imam besar dari ulama Islam.

Al-Allamah Kamaluddin Ahmad Al-Bayaadhi menyebutkan tanda-tanda hari kiamat seperti keluar Al-Imam Al-Mahdi dan Ad-Dajal dan turunnya Nabi Isa Alaihis Salam ketika ia mensyarahkan Al-Fiqhul Akbar karangan Al-Imam Abu Hanifah.

Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Ta'arruf menyebutkan Al-Imam Al-Mahdi akankeluar. Al-Allamah Ibrahim Al-Laqqaani tiada menyebutkan tanda-tanda kiamat dalam Jauharatut Tauhid akan tetapi Shaikhul Islam Ibrahim Al-Baijuri menyebutkan tanda-tanda kiamat ketika ia mensyarahkan Jauharatut Tauhid.

Al-Imam As-Sanusi pengarang dan pensyarah Matanu Ummul Baraahin yang hidup tahun 832 sehingga 895 Hijrah tiada menyebutkan tanda-tanda hari kiamat.

Dari kitab-kitab Tauhid tadi nampak pada kita akan perkara tanda-tanda hari kiamat dan tanda-tanda hari kiamat itu suatu perkara memang diketahui pada umat Islam dari zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan sahabat, serta Taabi'en sehingga zaman-zaman Imam-Imam yang empat kemudian diturunkan dalam kitab-kitab Tauhid sebagaimana suatu Aqidah dengan kata mereka bahawa tanda-tanda hari kiamat itu semuanya benar dan hak. Dan ia bukan suatu perkara khilaf dan tikai di antara ulama Ahlis Sunnah dengan lain-lain puak yang sesat dan kufur.

Adapun kisah Sayidina Umar hendak membunuh Ibnu Saed yang dianggap ia sebagai Ad-Dajal, maka Rasulullah bersabda yang ertinya: "Jika ia Ad-Dajal maka bukan kamu (ya Umar) lawannya, hanya lawannya Nabi Isa." Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Imam Ahmad dan Adh-Dhiyaaul Maqdisi dan Al-Haithami. Riwayat Ahmad itu rijalnya Rijaalus Sahih.

WALLAHUAKLAM

(bersambung)

# SERAMAI 87 PENUNTUT ITB MENGIKUTI MINGGU ORIENTASI



SEBAHAGIAN dari penuntut lelaki di pelancaran rasmi Minggu Orientasi. Gambar oleh Harun Rashid.

JALAN MUARA. — Seramai 87 orang penuntut pengambilan ketiga Institut Teknologi Brunei (ITB) telah mengikuti minggu orientasi selama 10 hari sebagai memulakan kursus bagi sesi tahun ini.

Pengarah ITB, Awang Haji Mustafa bin Abu Bakar merasmikan minggu orientasi itu yang dimulakan dengan upacara melafazkan ikrar di Dewan Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal di sini pada 5 Oktober yang baru lalu.

Pada masa ini penuntut ITB termasuk pengambilan pertama dan kedua adalah dianggarkan seramai 200 orang. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh ITB termasuklah Perdagangan dan Kewangan, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan Computer Studies. Semua kursus yang ditawarkan memakan masa selama dua setengah tahun penuh masa.



GAMBAR atas memperlihatkan penuntut-penuntut perempuan yang mengikuti Minggu Orientasi sebelum memulakan kursus di Institut Teknologi Brunei (ITB). — Gambar oleh Harun Rashid.

## Kursus seberang laut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Bomba Negara Brunei Darussalam dalam usahanya untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bomba telah menghantar seramai tiga orang Penolong Pegawai Balai dan 12 orang Ahli Bomba Kanan bagi mengikuti berbagai kursus di seberang laut.

Enam orang antaranya tiga Penolong Pegawai Balai mengikuti Kursus Lanjutan Melawan Kebakaran Lapangan Terbang di Pusat Latihan Penerbangan Awam Republik Singapura. Kursus tersebut telah bermula pada 5 Oktober lepas dan akan berakhir pada 2 November depan.

Mereka ialah Penolong Pegawai Balai, Awang Hamdani bin Haji Abd. Latif, Pengiran Rosli bin Pengiran Ahmad dan Awangku Aliuddin bin Pengiran Abd. Rahman serta Ahli Bomba Kanan, Awang Barahim bin Drahman, Awang Mohd. Noor bin Hassan dan Awang Ismail bin Dullah.

Manakala sembilan orang Ahli Bomba Kanan yang lain; Awang Metassim bin Haji Ahmad, Awang Mohammad Julaihi bin Duraman, Awang Razali bin Mohammad, Awangku Metassan bin Pengiran Sabtu, Awang Embran bin Buntar, Awang Suhaili bin Ali, Awang Bahar bin Karim, Awang Asmat bin Nayan dan Awang Rapian bin Suhaili telah mengikuti kursus di Pusat Latihan Bomba Malaysia bermula pada 5 Oktober lepas.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 14 Oktober hingga ke hari Selasa 20 Oktober, 1987 adalah seperti di bawah ini: —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATAHARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Oktober | | | | | | | | | | | | |
| 14 | 12.09 | 3.23 | 3.24 | 6.06 | 6.07 | 7.16 | 7.17 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.05 | 6.06 |
| 15 | 12.09 | 3.23 | 3.24 | 6.06 | 6.07 | 7.15 | 7.16 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.05 | 6.06 |
| 16 | 12.08 | 3.23 | 3.24 | 6.06 | 6.07 | 7.15 | 7.16 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.05 | 6.06 |
| 17 | 12.08 | 3.23 | 3.24 | 6.05 | 6.06 | 7.15 | 7.16 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.05 | 6.06 |
| 18 | 12.08 | 3.23 | 3.24 | 6.05 | 6.06 | 7.15 | 7.16 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.05 | 6.06 |
| 19 | 12.08 | 3.23 | 3.24 | 6.05 | 6.06 | 7.14 | 7.15 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.05 | 6.06 |
| 20 | 12.07 | 3.23 | 3.24 | 6.04 | 6.05 | 7.14 | 7.15 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.05 | 6.06 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## Keseluruhan kehidupan manusia tidak terkeluar dari tiga perkara: qabli, qauli dan fikli

# Kesempurnaan amalan bergantung kepada niat




**"Bahawa benar itu membawa kepada kebaikan dan kebaikan itu membawa ke Syurga. Seorang yang bercakap benar akan dicap oleh Allah sebagai 'Siddiq' (orang yang benar). Manakala berbohong membawa ke Neraka dan seseorang yang bercakap bohong akan dicap sebagai penipu."**

BERTAKWALAH kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dengan mengerjakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua mendapat kejayaan hidup di dunia dan mendapat kebahagiaan kelak.

Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

*"Sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."*

Akhlak dalam kehidupan manusia adalah bagaikan kuku dengan daging yang tidak boleh dipisahkan. Akhlak merupakan tali pengukur atau dijadikan ukuran maju mundurnya satu-satu umat di dunia ini.

Sekiranya kita meneliti keseluruhan kehidupan manusia kita dapati bahawa ia tidak terkeluar daripada tiga perkara iaitu niat, perkataan dan perbuatan yang mana dalam istilah agama disebut amalan 'qalbi', 'qauli' dan 'fikli'. Sekiranya ketiga-tiga perkara di atas dipandu dan disalurkan mengikut ajaran Islam maka kita tidak akan melihat perkara-perkara yang buruk dan keji berlaku di depan mata setiap detik dan ketika sebagaimana yang kita saksikan sekarang ini.

Bila memperkatakan tentang akhlak ia meliputi tiga perkara yang telah disebutkan di atas kerana manusia tidak boleh lari dari bertutur kata atau bercakap, gerak-geri atau tindak-tanduk yang kedua-dua perkara ini adalah berpunca daripada niat yang ditimbulkan oleh hati.

Antara akhlak yang sangat-sangat dituntut supaya diamalkan oleh setiap orang, masyarakat dan negara ialah sifat benar kerana bersifat benar dalam segala masalah dan persoalan hidup merupakan tiang seri akhlak setiap Muslim yang mesti dijaga dan dijadikan sebagai darah daging dalam hidupnya.

Sifat benar ini dapat dibahagikan kepada tiga yang mencukupi keseluruhan hidup manusia iaitu benar di segi niat, benar di segi perkataan atau tutur-kata dan benar di segi perbuatan.

Benar di segi niat ialah ikhlas, kerana punca-punca berlakunya keburukan dan kemungkaran banyak tersembunyi di sebalik tidak ikhlas niat-niatnya, dari sini selalu berlaku lain di mulut lain di hati. Lebih tepat kalau dikatakan cakap tidak serupa bikin. Oleh kerana niat di hati itu begitu besar kesannya dalam kehidupan manusia maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah mensabdakan yang maksudnya:

*"Sesungguhnya kesempurnaan amalan itu adalah bergantung kepada niat."* Manakala penilaian amalan dalam Islam itu bergantung kepada ikhlas. Sekiranya niatnya baik maka baiklah amalannya itu demikian juga sebaliknya kerana amalan yang baik saja bukan menjadi tuntutan Islam tetapi yang dituntut ialah amalan yang baik dan berfaedah dengan niat yang benar dan ikhlas. Kerana selalu timbul amalan yang baik itu dijadikan sebagai topeng atau sebagai senjata untuk tujuan lain seperti inginkan pujian, sanjungan, disebut-sebut orang, pangkat, kedudukan dan sebagainya. Pendeknya lebih tepat kalau dikatakan 'ada udang di sebalik batu'. Perbuatan yang demikian biarpun pada lahirnya baik tetapi ia merupakan penyakit yang akan merosakkan seseorang, masyarakat dan negara yang mesti dibetulkan sebelum merebak dan merosakkan segala-galanya.

Kedua: Benar di segi percakapan dan tutur-kata amatlah penting untuk kebaikan seseorang dan masyarakat kerana bila masyarakat itu telah dihinggapi oleh penyakit bercakap bohong dengan sendirinya akan menghilangkan kepercayaan sesama sendiri sedangkan itu menjadi tali penghubung yang paling kuat dalam masyarakat. Bila wujud perasaan percaya mempercayai di antara satu sama lain maka akan timbullah keamanan dan kesejahteraan dalam masyarakat seterusnya setiap perkataan itu mempunyai nilai.

Oleh kerana begitu besarnya masalah bercakap benar dalam kehidupan manusia maka kita dapati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang maksudnya:

*"Bahawa benar itu membawa kepada kebaikan dan kebaikan itu membawa ke Syurga. Seorang yang bercakap benar akan dicap oleh Allah sebagai 'Siddiq' (orang yang benar). Manakala berbohong membawa ke Neraka dan seseorang yang bercakap bohong akan dicap sebagai penipu."*

Berkata benar itu adalah sebagai anak kunci kejayaan di dunia dan di akhirat kerana ia dianggap sebagai menutup pintu keburukan yang merbahaya. Betapa tidaknya, berkata benar itu menjadi punca keamanan yang memelihara keamanan seseorang, keamanan masyarakat dan negara daripada dilanda oleh penyakit bohong. Untuk mengelakkan penyakit yang merbahaya ini mestilah setiap orang sentiasa amanah tentang apa yang diperkatakan dan diceritakan, sekiranya ragu-ragu dan tidak yakin tentang sesuatu maka janganlah diperkatakan kepada orang lain kerana mungkin berita yang diperkatakan itu bohong dan palsu atau berita angin. Sekiranya berita itu bohong atau berita angin maka kita akan termasuk ke dalam golongan orang yang berbohong sedangkan berbohong itu pernah disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tempatnya di Neraka.

Bukankah benar atau 'As-Siddiq' itu sebagai lambang dan syiar setiap Rasul. Bukankah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum diutuskan menjadi Rasulullah mendapat 'title' 'As-saddiqul Amin' seterusnya diikuti oleh para sahabat-sahabat Baginda dan yang datang kemudiannya.

Ketiga: Benar di segi perbuatan iaitu baik perbuatan dan tingkah-laku lahir dan batin kerana Islam tidak menerima penipuan dalam apa bentuk dan suasana sekalipun kerana ia adalah akhlak yang buruk dan keji bertentangan dengan sifat benar.

Dalam hubungan ini setiap Muslim digesa melakukan sesuatu dengan benar, tekun dan dengan cara yang paling baik kerana umat yang sentiasa mengamalkan sifat benar itu sama ada di segi tutur-kata dan tingkah-laku sudah tentu ia akan dihormati dan disanjung tinggi oleh setiap orang sama ada kawan mahupun lawan, dari sini ia akan meningkat dan bertambah maju dalam segala hal. Manakala bersifat sombong seperti tidak mengambil berat tentang kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan, pecah amanah dan lain-lain lagi ia akan menyebabkan kemunduran dan kehinaan.

Diharapkan hendaknya kita sebagai umat Islam sentiasa mengamalkan sifat benar sama ada terhadap dirinya sendiri, keluarganya, masyarakatnya dan negaranya demi untuk mewujudkan masyarakat yang baik, murni dan stabil dalam menghadapi segala cabaran hidup.

Menuju Keredaan Allah

# Berselawat tanda kasih sayang kepada Nabi

KASIH sayang dan penghormatan yang diberikan oleh generasi sahabat kepada Nabi Besar Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tidaklah dapat ditandingi oleh para generasi yang terkemudian daripada mereka.

Para sahabat mengasihi dan menyayangi Nabi lebih daripada kasih dan sayang mereka terhadap anak isteri, harta dan keluarga mereka sendiri.

Adapun kasih sayang yang mereka tunjukkan dengan mengamalkan segala arahan dan perintah Nabi, sudah jelas dan tidak dapat diragukan lagi. Di samping yang demikian, para sahabat juga telah melakukan hal-hal yang di luar kebiasaan, iaitu sebagai tanda dan bukti yang mereka sangat-sangat menghormati Nabi dan ingin mengambil berkat daripada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sebagai contoh, kita ambil satu kejadian yang dilakukan oleh seorang sahabat yang bernama Abdullah bin Zubair radhiallahu anhu seperti yang disebut dalam kitab Hayatusahabat. Pada suatu ketika Abdullah bin Zubair mendatangi Nabi di suatu tempat yang baru sahaja selesai berbekam dan bekas darah berbekam Baginda yang mulia masih terdapat di tempat itu. Kemudian Nabi menyuruh Abdullah bin Zubair radhiallahu anhu supaya menanam darah Baginda itu di suatu tempat yang tidak akan dapat diambil dan dikesan oleh sesiapa. Dengan perasaan yang sungguh gembira Abdullah bin Zubair radhiallahu anhu pun pergi beralih daripada tempat itu dengan membawa darah Baginda yang mulia tadi. Tidak berapa lama kemudian, Abdullah bin Zubair radhiallahu anhu datang semula ke tempat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berada. Nabi bertanya: *"Adakah sudah engkau tanam darah tadi?"* Abdullah bin Zubair radhiallahu anhu menjawab: *"Sudah ya Rasulullah, di tempat yang tidak dapat dikesan oleh manusia kecuali saya sendiri." "Barangkali engkau meminumnya?". "Betul ya Rasulullah."* Kemudian Nabi berkata: *"Engkau tidak akan dimakan api neraka."*

Begitulah ringkasan cerita seorang sahabat yang sangat memuliakan dan menghormati Nabi, hingga darah Baginda yang mulia diminumnya demi untuk mengambil berkat dan sebagai tanda kasihnya kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Memang darah adalah najis dan meminum darah manusia biasa adalah haram, akan tetapi dalam hal ini para Nabi dan Rasul adalah dikecualikan kerana kemuliaan dan kesucian mereka.

Kejadian yang dilakukan oleh Abdullah bin Zubair ini adalah sebahagian kecil sahaja daripada beberapa kejadian yang dilakukan oleh sahabat-sahabat Nabi, sebagai tanda hormat dan kasih sayang mereka kepada Nabi Besar Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Biarpun kita yang hidup di akhir zaman ini, tidak dapat bertemu dan melihat Nabi, tentu sahaja kita tidak mahu ketinggalan untuk membuktikan yang bahawa kita juga mencintai dan menghormati Nabi, walaupun tidak sama seperti yang dibuktikan oleh para sahabat. Di antara cara yang patut kita lakukan, di samping kita mengamalkan ajaran-ajaran yang dibawa Nabi, yang diwajibkan atas diri kita, alangkah baiknya kita juga mengamalkan dan memperbanyakkan membaca selawat dan salam kepada Nabi yang kita cintai dan kasihi itu, terutama sekali apabila kita mendengar nama Nabi disebut atau kita sendiri yang menyebutnya.

Kita lakukan ini adalah semata-mata sebagai tanda dan bukti kasih sayang kita kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, dan sebagai tanda bahawa kita tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang bakhil atau kedekut, seperti yang disabdakan Nabi melalui riwayat Ibnu Abi' Ashim daripada Abi Zarr radhiallahu anhu, kira-kira bermaksud: *Pada suatu hari aku keluar menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda berkata: "Perlukah aku khabarkan kepada kamu, manusia yang paling bakhil?"* Sahabat menjawab: *"Perlu ya Rasulullah."* Kemudian Nabi memberi keterangan: *"Iaitu orang yang mendengar aku disebut dan dia tidak membaca selawat atasku, maka orang yang seperti itulah sebakhil-bakhil manusia."*

Untuk menjauhkan diri supaya jangan termasuk dalam golongan orang-orang yang bakhil, baca dan ucaplah selawat dan salam kepada Nabi Besar Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ketika mendengar nama Baginda disebut ataupun apabila kita menyebut nama yang mulia itu.

# Lawatan Ketua Turus Pertahanan UK ke sini

KETUA Turus Pertahanan United Kingdom, Laksamana Armada Sir John Fieldhouse telah mengadakan lawatan selama lima hari ke negara ini minggu lalu.

Laksamana Armada Sir John Fieldhouse disertai oleh isterinya Lady Fieldhouse dan tiga orang pegawai tentera bagi Pertahanan United Kingdom.

Di samping melawat dan meninjau cawangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Laksamana Armada Sir John Fieldhouse juga telah berkesempatan mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong di Istana Nurul Iman (gambar bawah). — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



# 42 pemimpin terima lencana Brownies

GADONG. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam berkenan menyampaikan lencana-lencana kepada ahli-ahli baru, pemimpin-pemimpin pandu puteri, pandu puteri dan anak-anak brownies yang berlangsung di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah di sini pada hari Jumaat 9 Oktober lepas.

Penyampaian lencana itu adalah bagi 42 orang pemimpin pandu puteri dan 300 orang ahli baru dan anak-anak brownies Persatuan Pandu Puteri yang terdiri dari 12 buah sekolah rendah kerajaan dan sekolah swasta di Daerah Brunei-Muara.

Di majlis itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna juga berkenan menyaksikan beraneka persembahan seperti permainan alat-alat muzik, nyanyian dalam berbagai bahasa seperti bahasa China dan Tagalog oleh anak-anak brownies Persatuan Pandu Puteri.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri, Negara Brunei Darussalam berkenan menyampaikan lencana kepada salah seorang pemimpin Pandu Puteri. — Gambar oleh Harun Rashid.

# Brunei Darussalam suarakan kebimbangan terhadap keamanan dunia

Dari muka 2

Perwakilan saya merasakan bahawa satu persidangan antarabangsa yang telah dicadangkan akan mendatangkan faedah untuk menyatukan semua pihak yang berkenaan ke meja perundingan. Bagaimanapun, pendirian yang diambil oleh beberapa buah pihak, lebih-lebih lagi Israel, telah menghalang sebarang kemajuan untuk mengadakan persidangan seumpama itu. Menurut pandangan kami, PLO merupakan wakil yang sah bagi rakyat Palestin dan yang demikian mereka sepatutnya berada di persidangan itu untuk mengadakan rundingan bagi pihak mereka.

Tuan Presiden,

Di Benua Afrika, masalah utama ialah dasar apartheid Afrika Selatan. Berbagai perdebatan dan resolusi yang diluluskan oleh perhimpunan ini, yang mengecam dasar yang tidak adil dan kejam ini, tidak diambil peduli oleh Afrika Selatan. Perwakilan saya berkeyakinan bahawa lebih banyak tindakan yang konkrit dan berkesan mestilah diambil. Tekanan mestilah diperkuatkan ke atas Rejim Pretoria supaya mengubah dasarnya dan adalah menjadi kewajipan moral masyarakat untuk mempastikan agar dasar ini dihapuskan.

Negara Bru[illegible] Darussalam juga meng[illegible]cam Afrika Selatan atas pendudukannya yang berterusan di Namibia. Negara Brunei Darussalam menyeru Afrika Selatan untuk mengundurkan angkatan tenteranya dari Namibia agar pilihanraya bebas dapat dijalankan untuk menentukan masa depannya.

Di Afghanistan, rakyat Afghan masih lagi tidak diberikan hak untuk menentukan masa depan mereka sendiri. Tentera asing masih lagi menduduki tanahair mereka yang menyebabkan mereka terpaksa meninggalkan tanahair mereka dan tinggal di Iran dan Pakistan sebagai orang pelarian. Negara Brunei Darussalam menyeru perlaksanaan sertamerta resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan dan juga bagi pengunduran tentera asing. Kami menyokong sepenuhnya usaha Setiausaha Agung untuk menyelesaikan pertikaian ini.

Tuan Presiden,

Di Asia Tenggara pula, masalah Kampuchea masih lagi kami hadapi. Tentera Vietnam kini sudah pun menduduki Kampuchea selama sembilan tahun. Sementara itu para pejuang Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea di bawah pimpinan Duli Yang Teramat Mulia Putera Norodom Sihanouk meneruskan perjuangan mereka untuk membebaskan tanahair mereka dari pendudukan asing. Sokongan yang amat menggalakkan yang diberikan oleh masyarakat antarabangsa telah memperkukuhkan lagi keazaman mereka untuk meneruskan perjuangan mereka. Ke arah ini mereka telah membuat kemajuan yang nyata bukan sahaja untuk menawan semula wilayah mereka malahan juga menawan hati dan perasaan rakyat. Keamanan di Asia Tenggara hanya dapat dicapai jika masalah Kampuchea diselesaikan. ASEAN telah mengemukakan banyak usul dan yang terbaharu sekali ialah mengadakan satu Pesta Koktel. Adalah menjadi harapan kami agar usul ini akan dapat menggalakkan proses bagi diadakan satu dialog yang dapat membuka jalan untuk diadakan rundingan bagi satu penyelesaian terhadap masalah Kampuchea. Bagaimanapun, Vietnam menolak cadangan ini. Vietnam hendaklah menyedari bahawa masalah ini hanya dapat diselesaikan dengan jalan damai. Kami menyeru Vietnam supaya mengundurkan tenteranya dari Kampuchea dan mencari jalan penyelesaian bagi keamanan mengikut rangka cadangan 8 perkara yang dihadapkan oleh Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

Tuan Presiden,

Beralih kepada keadaan di Semenanjung Korea, perwakilan saya mengalu-alukan kenyataan dan inisiatif Republik Korea baru-baru ini yang mencadangkan satu perundingan di antara Menteri Luar kedua-dua Republik Korea dan Republik Demokratik Rakyat Korea. Kami percaya perundingan ini akan dapat mengurangkan ketegangan dan seterusnya meningkatkan lagi harapan bagi keamanan dan kemantapan di Asia Tenggara. Kami juga ingin membaharui semula sokongan kami atas kemasukan Republik Korea sebagai anggota Bangsa-Bangsa Bersatu jika ia berkeinginan untuk berbuat demikian, selaras dengan prinsip-prinsip sejagat Bangsa-Bangsa Bersatu.

Saya telah pun menyentuh dengan jelas tentang beberapa masalah yang kita hadapi. Dan terdapat banyak lagi masalah yang lain. Dalam hal ini, yang penting sekali, perkara yang terus mempengaruhi keadaan politik antarabangsa ialah soal penghapusan senjata nuklear. Dunia ini akan menjadi tempat yang lebih selamat dan aman untuk dihuni sekiranya mereka yang memiliki senjata yang amat merbahaya ini bersetuju untuk menghapuskannya. Seperti yang kita ketahui jumlah senjata yang sangat merbahaya sudah lebih dari mencukupi di dunia ini dan betapa tidak perlunya senjata nuklear ini. Oleh yang demikian Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan perjanjian pada dasarnya bagi penghapusan senjata nuklear jarak sederhana di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union.

Tuan Presiden,

Adalah menjadi peranan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menggalakkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Kita berilah peluang kepada Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mencapai kejayaan. Sewajarnyalah bagi kita memberi Bangsa-Bangsa Bersatu kewajipan politik yang diperlukannya untuk mengekalkan pergerakannya dan dengan menghormati resolusi yang diluluskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Jika kita semua mempunyai tekad dan keazaman untuk mencipta satu dunia yang aman damai, saya percaya yang kita semua akan berjaya. Kegagalan adalah terlalu berat untuk kita semua tanggungi.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

| PUSAT PERHENTIAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Serasa | 14.10.1987 | Rabu | 9.45–10.15 | pagi |
| Sekolah Rendah Mentiri | 14.10.1987 | Rabu | 10.30–11.00 | „ |
| Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar | 14.10.1987 | Rabu | 11.15–11.45 | „ |
| Sekolah Rendah Pulaie | 14.10.1987 | Rabu | 9.30–10.30 | „ |
| Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang | 15.10.1987 | Khamis | 10.00–12.00 | tengah hari |
| Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar | 17.10.1987 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 17.10.1987 | Sabtu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Rendah Mulaut | 17.10.1987 | Sabtu | 11.00–12.00 | tengah hari |
| Sekolah Rendah Birau | 17.10.1987 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kiudang | 17.10.1987 | Sabtu | 2.45– 3.45 | „ |
| Sekolah Rendah Lamunin | 17.10.1987 | Sabtu | 4.00– 5.00 | „ |
| Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching | 19.10.1987 | Isnin | 8.45– 9.45 | pagi |
| Sekolah Rendah Kiarong | 19.10.1987 | Isnin | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 20.10.1987 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Rendah Anggerek Desa Berakas | 20.10.1987 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |
| Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kg Kiulap | 20.10.1987 | Selasa | 2.45– 3.15 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong | 20.10.1987 | Selasa | 3.30– 4.30 | „ |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 20.10.1987 | Selasa | 4.30– 5.00 | „ |

# Pusat Pemulihan Penagih Dadah ditubuh



BLOK pentadbiran Pusat Pemulihan Dadah Sementara di Jalan Pelumpong, Muara.

**EMPAT blok barik tentera kini dijadikan sebagai pusat sementara khusus bagi memberikan rawatan pemulihan kepada penagih-penagih dadah.**

**Barik yang terletak di Jalan Pelumpong, Pekan Muara yang telah diubahsuai bermula pada 4 Januari tahun ini boleh menampung seramai 60 orang penghuni. Bagaimanapun, seluas 50 ekar tanah telah diperuntukan di Kampong Kupang, Tutong bagi pembinaan Pusat Pemulihan Penagih Dadah.**

**Oleh Ahat Haji Ismail**
**Gambar-gambar oleh Harun Rashid**

Pusat Sementara Pemulihan Penagih Dadah ini dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan dijangka akan beroperasi pada bulan depan. Pusat tersebut diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Pemulihan Dadah dan dibantu oleh tiga orang pegawai yang telah pun menjalani kursus asas di Singapura dan Malaysia.

### Rawatan dan Pemulihan

Bagi rawatan dan pemulihan dadah, seseorang penagih akan dapat dikesan melalui penentuan (detection). Penentuan bertujuan bagi mengsahkan seseorang itu adalah penagih berdasarkan ujian-ujian yang dilakukan oleh pegawai perubatan atau pengawal perubatan yang berdaftar.

Rawatan detoksifikasi pula bertujuan untuk membersihkan dadah dari badan si penagih. Detoksifikasi dijalankan secara "Cold Turkey" di mana penagih mengalami gian tanpa dibantu dengan apa-apa ubatan selama 7 hingga 14 hari lamanya.

### Program Pemulihan

Kemudian si penagih seterusnya menjalani pemulihan sama ada dalam institusi atau di luar institusi iaitu dalam masyarakat terbuka di bawah pengawasan pegawai pemulihan dadah. Semua di bawah pemulihan institusi, penghuni-penghuni akan menjalani program pemulihan dalam beberapa peringkat.

* Fizikal iaitu selain perubatan, makanan berzat dan berwaktu, aktiviti membina badan yang merangkumi pergerakan tubuh badan yang sesuai termasuk latihan ketenteraan.

* Pemulihan psikologikal merupakan kunci utama dalam aspek pemulihan dadah. Pendidikan positif melalui kaunseling, sesi-sesi perbincangan masalah diri dan keluarga, sikap, persepsi, nilai-nilai motivasi dan lain-lainnya dititikberatkan melalui program orientasi, kaunseling individu, kelompok dan keluarga.

* Pemulihan sosial pula menekankan disiplin kerja. Pemulihan sosial ini antara lain membiasakan semula penagih-penagih dadah dengan disiplin kerja untuk memperolehi kemahiran baru selain melahirkan minat kreatif seperti menjalankan projek tanaman bunga, pertanian, dan ternakan di samping bergiat dalam bengkel pertukangan kayu, jahitan dan kraftangan.

* Pemulihan disiplin diri. Memandangkan penagih-penagih dadah tidak memiliki nilai-nilai disiplin, penekanan tanggungjawab dan tata-tertib dititikberatkan. Elemen disiplin diri dibina melalui latihan jasmani.

* Pemulihan moral dan spiritual ini merupakan tumpuan pada membina semula moral keagamaan penagih-penagih. Para penagih bukan saja akan mengenal dan percaya pada diri sendiri, mengetahui hukum, tetapi juga mengukuhkan keimanan sepanjang berada di pusat pemulihan. Penagih-penagih yang beragama Islam diwajibkan mengikuti semua aktiviti agama melalui kelas agama dan juga kursus-kursus dakwah serta ceramah.



BILIK tempat tidur yang dilengkapi dengan katil dan bantal bagi penghuni-penghuni pusat tersebut.

## Senarai harga-harga kereta DAIHATSU dan MITSUBISHI

BERIKUT di bawah ini adalah senarai harga-harga kereta DAIHATSU dan MITSUBISHI yang dijual dari Syarikat Goh Hock Kee Sdn Bhd yang telah diluluskan oleh Pengawal Harga baru-baru ini seperti berikut: —

| JENIS KERETA (Type of Cars) | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENUH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| DAIHATSU CHARADE 5 DRS. SEDAN CS (Manual). Model: G100RS — GKDS (993 c.c.) Radio, Seatbelts, etc. | $13,884.00 | $14,500.00 |
| DAIHATSU CHARADE 5 DRS. SEDAN CX (Manual) Model: G100R — GKGS (993 c.c.) Aircondition, Radio, Seatbelts, etc. | $16,806.00 | $17,500.00 |
| DAIHATSU CHARADE 5 DRS. SEDAN CX (Automatic) Model: G100RS — GHGS (993 c.c.) Seatbelts, etc. | $18,280.00 | $19,000.00 |
| DAIHATSU CHARMANT SEDAN LD (Manual) Model: A35-R-EKD (1290 c.c.) Radio, Seatbelts, etc. | $14,177.00 | $14,800.00 |
| DAIHATSU CHARMANT SEDAN LC (Auto). Model: A35R-EHC (1290 c.c.). Automatic Transmission, Radio, Seatbelts, Blower, Rear Defogger, etc. | $16,599.00 | $17,300.00 |
| DAIHATSU CHARMANT SEDAN LC (Auto). Model: A60R-EHC (1600 c.c.). Automatic Transmission, Radio, Seatbelts, Blower, Rear Defogger, etc. | $17,541.00 | $18,300.00 |
| MITSUBISHI LANCER 1.3 GL (Manual) Model: C11ASNDR (1300 c.c.) Radio/Cassette, Seatbelts, Digital Clock, Rear Mudguard, etc. | $15,151.00 | $15,800.00 |
| MITSUBISHI LANCER 1.3 GL STATION WAGON. Model: C11VLNDR (1300 c.c.). Radio, Seatbelts, Clock, etc. | $15,525.00 | $16,200.00 |
| MITSUBISHI LANCER 1.5 GLX (Auto) Model: C12ASKJR (1500 c.c.). Radio/Cassette, Heater, Rear Mudguard, Wheel Cover, Colour Keyed Bumper, Clock, Seatbelts, etc. | $17,069.00 | $17,800.00 |
| MITSUBISHI MAGNA GLX (Auto) Model: TN-2H41 (2555 c.c.) Aircondition, Radio/Cassette, Seatbelts, Power Steering, Power Window, Central Locking, etc. | $25,758.00 | $26,800.00 |
| MITSUBISHI MAGNA SE (Manual) Model: TN-1P41 (2555 c.c.). Air-condition, Power Steering, Power Window, Radio/Cassette, Seatbelts, Central Locking, Aluminium Wheel etc. | $26,732.00 | $27,800.00 |
| MITSUBISHI MAGNA ELITE (Auto). Model: TN2X41 (2555 c.c.). Air-condition, Power Steering, Power Window, Radio/Cassette, Central Locking, Seatbelts, Aluminium Wheel etc. | $28,680.00 | $29,800.00 |

Orang ramai bolehlah menghubungi Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan Nombor Telefon 25555 atau 41910, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, jika sekiranya harga-harga yang mereka jual itu berlainan dari harga-harga yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

## Boleh dibeli dengan harga $5.50




CERITA novel ini berkisar kepada seorang watak doktor wanita tempatan yang bernama Siti Nur. Siti Nur, seorang yang tak pernah berputus asa dan dengan gigih menempuh segala macam rintangan hidup sehingga berjaya menjadi seorang doktor dan menempatkan taraf hidup keluarganya ke tahap yang lebih baik dalam masyarakat. Sebagai seorang yang berjiwa nasionalis dia rela mendambakan hidupnya di luar dari kepentingan-kepentingannya sendiri, tidak saja mengorbankan masa yang banyak di dalam memberi khidmat profesionalnya, tetapi juga mengambil berat tentang kesejahteraan orang lain, menolong menyelesaikan masalah peribadi dan menolong dalam bentuk kewangan.

Dia merupakan 'ibu' kepada keluarganya, tempat mereka mengadu segala macam masalah. Pengabdian bererti pengorbanannya dalam segala segi, baik di segi moral mahupun material malah hingga ke detik-detik akhir hayatnya ia masih mahu berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Novel hasil tulisan Norsiah Abd. Ghafar telah memenangi Hadiah Penghormatan Pertama Peraduan Menulis Novel Sempena Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1984. Diterbitkan oleh DBP Brunei Darussalam. Boleh dibeli daripada Kedai Buku DBP Brunei dengan harga $5.50.

# rtb/Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

## HAL-EHWAL SEMASA DI RADIO DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN NEGARA

BEBERAPA aktiviti yang mempunyai hubungkait dengan pembangunan negara telah disentuh dan dimuatkan dalam rancangan hal-ehwal semasa di Radio Brunei. Kebanyakan aktiviti pembangunan tersebut merupakan mesyuarat-mesyuarat, simposium-simposium, seminar-seminar dan lain-lainnya adalah dikendalikan keseluruhannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam apa juga bentuk pembangunan negara Radio Brunei tidak ketinggalan menyentuh kegiatan-kegiatan tersebut. Pada minggu yang lalu saja beberapa kegiatan semasa yang berunsurkan pembangunan sosio-ekonomi negara ini telah diadakan di beberapa tempat, di sekitar ibu negara Bandar Seri Begawan. Di antaranya ialah Persidangan ke-9 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN, Simposium Serantau ke-10 bagi Penyelia-Penyelia Sekolah Asia Tenggara dan Pasifik, Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1987 dan berbagai-bagai lagi kegiatan yang lain.

Dalam rancangan Hal-Ehwal Semasa di Radio Brunei minggu lalu para pendengar berpeluang mendengar petikan-petikan rakaman setiap kegiatan tersebut. Matlamat utama rancangan semasa tersebut adalah semata-mata ditujukan kepada masyarakat pendengar bagi menambah pengetahuan dan seterusnya mengetahui maklumat-maklumat negara dalam konteks pembangunan hari ini. Tentulah sebagai masyarakat yang ingin membangun maju, sikap mengambil kira dan mengambil tahu hal-ehwal negara adalah merupakan titik-tolak ke arah pembangunan tersebut.

Dalam ruangan Radio Minggu Ini beberapa aspek dari maklumat-maklumat yang disiarkan dalam rancangan Hal-Ehwal Semasa minggu lalu akan disentuh, sebagai perhatian kepada para peminat ruangan ini. Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa membuka rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN ke-9, baginda telah menitik-beratkan tentang soal kerjasama ekonomi yang efektif dalam bidang-bidang pertanian yang baginda sifatkan sebagai perlu untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat di rantau ASEAN ini. Di samping itu beberapa isi daripada titah baginda yang bernas tersebut telah disiarkan oleh Radio Brunei. Jadinya, sebagai rakyat negara ini yang mempunyai cita-cita dan kemahuan tinggi di dalam mempertingkatkan produktiviti bangsa dan negara, seharusnya sentiasa mendengar dan meneliti titah baginda tersebut.

Dalam bidang pendidikan pula Hal-Ehwal Semasa Radio Brunei juga tidak ketinggalan menonjolkan aspek ini. Semasa merasmikan Simposium Serantau ke-10 bagi Penyelia- Penyelia Sekolah Asia Tenggara dan Pasifik yang berlangsung minggu lalu di negara ini, Radio Brunei telah memetik ucapan perasmian Menteri Pelajaran Negara Brunei Darussalam yang menghuraikan masalah pendidikan di rantau Asia Tenggara dan Pasifik. Bagi pandangan Yang Berhormat walaupun aspek perkembangan kuantiti sebahagian besar dari negara-negara berkenaan telah berusaha dengan baik. Tetapi, tegas Yang Berhormat sebilangan dari perkembangan pesat tersebut masih disertai oleh jurang pendidikan yang serius. Terutama sekali oleh golongan belia yang berhenti sekolah dan juga orang dewasa yang memerlukan pelajaran.

Di samping dua bahan tersebut terdapat lagi beberapa bahan-bahan penting yang dimuatkan dalam rancangan Hal-Ehwal Semasa di Radio Brunei pada minggu lalu. Apa yang kita dengar dari setiap ucapan-ucapan perasmian dalam majlis-majlis berkenaan, hampir ke semuanya mengetengahkan soal-soal pembangunan ekonomi, pelajaran, bahasa dan lain-lainnya. Dalam hal ini masyarakat pendengar merupakan sasaran di dalam matlamat pembangunan ini. Kerana itu, jadikanlah media radio sebagai ejen perubahan sikap awda semua.



SIRI kegemaran ramai "AIRWOLF" akan kembali menemui peminat-peminatnya dalam rancangan pertamanya berjudul "The Escape" pada hari Selasa kira-kira jam 8.10 malam. Barisan pelakon-pelakon baru yang menjayakan siri ini ialah (dari kiri ke kanan) Gerain Wyn Davies selaku Major Mike Rivers, Michele Scarabelli selaku Jo Santini, Anhtony Sherwood selaku Jason Loke dan Barry Van Dyke (duduk) selaku St. John Hawke




SEMENTARA sebuah tayangan gambar berjudul "Smokey And The Bandit II" di mana Paul William memegang peranan sebagai Little Enos dan bapanya sebagai Big Enos yang diperanankan oleh Pat McCormick. Tayangan gambar ini akan dapat awda saksikan pada hari Ahad kira-kira jam 1.50 petang

## Sudut Remaja



SUDUT Remaja Minggu Ini akan diisikan oleh Dk. Haslinda Pg. Putih. Berusia 16 tahun dan mendapat dorongan menyanyi dari keluarga dan kawan-kawan.

Ikutilah persembahannya pada hari Isnin 19 Oktober, 1987, jam 4.00 petang.

*Sandiwara Radio:*

## *"SINAR HARAPAN"*

SANDIWARA Radio keluaran minggu ini berjudul "SINAR HARAPAN," tulisan Jambol Tunjang, Negara Brunei Darussalam.

Penulis mengutarakan tentang masalah semasa di kalangan anak-anak muda sekarang. Pengaruh dan gejala dadah yang sangat merbahaya sudah mulai menular mempengaruhi belia-belia kita sendiri.

Tuan Bakar, seorang ahli perniagaan, tidak banyak menumpukan masanya untuk kepentingan anaknya Ismail, anak mereka satu-satunya. Ismail pula mencari jalannya sendiri untuk mendapatkan apa yang dianggapnya sebagai kepuasan.

Dengan pengaruh temannya Karim dan dengan kewangan yang senang didapatinya dari ibunya sendiri, Ismail telah menjadi pelanggan kepada seorang pengedar dadah. Kegiatannya di luar rumah ini tidak diketahui oleh kedua orang tuanya.

Kerana perbuatannya itu, Ismail seringkali ponteng sekolah. Guru besar sekolah itu bertindak dengan memberikan penjelasan kepada ayahnya. Mulai saat itulah ayah Ismail mulai mencurigai dan mula mengambil tahu akan kegiatannya.

Segala-galanya terbongkar bila satu hari Ismail dibawa ke rumah sakit oleh pihak berkuasa di sekolahnya kerana didapati tidak sedarkan diri. Ayah Ismail mengetahui akan kedudukan sebenar melalui penerangan dari doktor.

Bagaimanakah kisah ini selanjutnya? Jangan lupa untuk mengikuti siarannya nanti pada 18 Oktober, 1987 jam 11.30 pagi.

Mari Memasak:

## AYAM PERCIK

BAHAN-BAHANNYA :—

1 ekor ayam sedang besarnya
serbuk kunyit
garam
serbuk cili.

BAHAN UNTUK KUAHNYA :—

50 gram lengkuas
20 gram halia
20 gram bawang besar
20 gram bawang putih
30 gram buah keras
4 biji lada merah
2 sudu serbuk kunyit
20 gram gula
1 mangkuk kecil santan pekat
2 helai daun kunyit

CARA-CARA MEMBUATNYA :—

Ayam dibersihkan kemudian digaul dengan serbuk kunyit, lada dan garam. Kemudian dipanggang sehingga masak.

Apabila ayam sudah masak, kita sediakan bahan-bahan kuahnya. Naikkan minyak, masukkan bahan-bahan tadi yang sudah dimesin, masak sehingga pecah minyak dan masukkan santan pekat, gula, garam secukup rasa. Hendaklah dimasak sehingga kuahnya pekat. Apabila sudah cukup pekat bolehlah dituangkan ke atas ayam yang sudah masak tadi dengan cara memercikkan di atas ayam.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 14 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS
5.00 WIND IN THE WILLOWS: "Master Chef"
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Ghost Walks Again"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MY SISTER SAM: "Mirror, Mirror On The Wall"
Manakala J.D. cuba berusaha sedaya upaya mencari idea untuk membeli hadiah hari jadi bagi isterinya yang sudah mempunyai segalanya, Patti pula cuba berusaha menguruskan badan untuk kelihatan seperti model yang bekerja dengan adiknya, Sam.
6.07 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.22 MY SISTER SAM — sambungan
6.30 ANIMAL IN ACTION: "Change Of Life"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 AZAN ISYAK
7.22 BIMBINGAN ISLAM
7.30 SMALL WONDER: "Matchmaker, Matchmaker"
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 MUSICAL: EUROTOPS
10.50 THE COLBYS: "The Legacy"
Keluarga Colby meratapi kematian Connie, manakala seorang asing berjambang yang penuh misteri mengekori Jason, Miles memperoleh kuasa baru serta pengaruh berikutan dengan wasiat dari Connie.
11.50 SIARAN TAMAT

## HARI KHAMIS 15 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HEATHCLIFF — sambungan
6.05 ECONOMIC TODAY
6.07 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.22 ECONOMIC TODAY — sambungan
6.30 SUPERGRAN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.16)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.30 WEBSTER: "Freedom Of The Press"
Webster cuba menyelamatkan pekerjaan Katherine di Pusat Kemasyarakatan apabila sebuah cerita yang diperolehi dari rakan sekelasnya yang dimuatkan ke dalam surat khabar mingguannya dipercayai diceritakan kepada Katherine oleh salah seorang pesakitnya dalam sebuah sesi tertutup.
8.10 MIAMI VICE
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 DUNIA MINGGU INI
10.25 MAGNUM P.I.: "Solo Flight"
Magnum mempertimbangkan keadaan dirinya yang kini berada diambang maut dengan menyorok kembali kesnya yang terakhir dan rakan-rakannya sementara terperangkap di bawah serpihan kapal terbang di atas sebuah gunung yang terpencil.
11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Belarus File"
Apakala menyiasat pembunuhan ke atas beberapa orang tua berbangsa Russia dari golongan yang taat setia, Kojak menghadapi halangan dari Kerajaan Federal; rekod imigresen mereka yang terbunuh itu ke semuanya dirahsiakan. Kojak akhirnya dapat juga mengetahui itu adalah satu pakatan untuk melindungi penjenayah perang sejak pendudukan Nazi di Soviet Union.
12.50 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 16 OKTOBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
12.25 HIDAYAT — ulangan
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan
1.00 SEARCH OF ADVENTURE: "Prairie In The Sky" (Siri baru)

**PETANG**

1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFF
2.15 WIDE WORLD OF SPORTS
3.05 MASK: "The Sceptre Of Rajim"
3.24 AZAN ASAR
3.29 AL-KISAH
3.45 MAGIC CORNER
4.10 ADVENTURE: "Convict 41" (Siri baru)
Jack Vincent ditangkap kerana menyeludup dan dihukum buang negeri seumur hidup di Botany Bay. Di atas kapal yang membawa banduan-banduan, ia bertemu dengan Pat Cassidy dan George Mason, banduan-banduan yang akan menjadi temannya dalam pengembaraan seterusnya.
5.10 GRUMBLEWEEDS RADIO SHOW
5.35 TERRY AND JUNE: "The Auction"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TERRY AND JUNE — sambungan
6.07 AZAN MAGHRIB
6.12 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.22 THE MAKING OF . . . "Deja Vu"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.16)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 REKASENI: "Gubahan Dari Gula-Gula"
7.55 MACGYVER: "Phoenix Under Seige"
Terperangkap dalam bangunan Phoenix Foundation oleh sekumpulan pengganas, MacGyver berusaha untuk menyelamatkan nyawanya dan nyawa datuknya sebelum bom yang dipasang dalam bangunan itu meletup.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 FORUM: "Konsep Gotong Royong Dalam Pembangunan Negara"
10.20 FALCON CREST: "Slow"
11.20 SIARAN TAMAT.



SEBUAH lagi siri baru yang berjudul "ADVENTURE" yang akan dapat awda saksikan pada tiap-tiap hari Jumaat kira-kira jam 4.10 petang.

## HARI SABTU 17 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 WILDLIFE ON ONE: "Kuiseb — The Vanishing River"
Sungai Kuiseb digurun Namibia di Barat Daya Afrika menjalani kehidupan yang memperdaya. Untuk beberapa bulan sepanjang tahun, apa yang dapat dilihat di sini sungai muda ini adalah dasar sungai yang kering kontang menjalar kosong menuju lautan Atlantik. Kebanyakan air hujan yang turun di kawasan liar ini meresap masuk mengisi Sungai Kuiseb Tua yang mengalir tersembunyi di bawah tanah.
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ALF: "Wild Things"
Alf akan mengalami perubahan kelakuan yang akan menjadikannya liar dan bertabiat tak tentu arah jadi ia memberi amaran kepada keluarga Tanner supaya mengurungnya selama 24 jam dalam masa kejadian tersebut, tetapi ia terlepas lebih awal dari 24 jam itu.
6.06 AZAN MAGHRIB
6.11 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.21 ALF — sambungan
6.30 MY LITTLE PONY

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.16)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 THREE'S COMPANY: "Jack's Tattoo"
7.45 HOT SHOTS: "The Star"
8.35 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Bawalah Aku Pergi"
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 18 OKTOBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.08 AZAN ZUHUR
12.11 SUSUNAN RANCANGAN
12.17 MUSICAL: "John Lennon: Live In New York"

**PETANG**

1.00 BIG LEAGUE SOCCER 1987/1988
1.50 TAYANGAN GAMBAR: "Smokey And The Bandit II"
3.24 AZAN ASAR
3.29 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPIN: "In The Fortress Of The Wizard"
4.00 SILVERHAWK: "Fantasscreen"
4.25 DRAMA
5.05 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL —sambungan
5.55 CENTURIONS: "The Monster From Below"
6.06 AZAN MAGHRIB
6.11 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.21 CENTURIONS — sambungan
6.30 ONE BIG FAMILY

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.16)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 WHAT A COUNTRY: "Soul Man"
7.45 MATLOCK: "The Nurse"
Matlock membela Kathy Danson, seorang jururawat muda yang dituduh membunuh seorang pesakit jutawan yang diakuinya tunangannya dalam rahsia.
8.35 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT ASIA
9.55 JUARA KUGIRAN 1987 — SEPARUH AKHIR NO. 4
10.45 LONG HOT SUMMER Bhg I (Siri baru)
11.35 CALL ME MISTER: "The Other Woman"
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 19 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE ALPHABET GAMES: "The Letter — R"
4.45 BITS AND PIECES — Clowns
4.55 SNORKEL
5.20 THE WORLD ABOUT US: "Journey To The Fourth World"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE WORLD ABOUT US — sambungan
6.06 AZAN MAGHRIB
6.11 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.21 THE WORLD ABOUT US — sambungan
6.30 THE EDISON TWIN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.15)
7.20 BIMBINGAN ISLAM
7.27 WHO'S THE BOSS? "Tony The Patchmaker"
Apabila Angela dapati dirinya tanpa teman setelah bertengkar dengan teman lelakinya Geoffrey, Tony berusaha untuk membuat mereka berbaik-baik semula.
7.45 O'HARA: "Toshi"
8.35 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 SUPERSTARS OF WRESTLING
10.50 TAYANGAN GAMBAR: "The Dead Zone"
12.20 DOA PENUTUP SIARAN
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 20 OKTOBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 RAG DOLLY ANNA
4.40 SQUARE ONE
5.10 JEM
5.35 O-LA-LA
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 O-LA-LA — sambungan
6.05 AZAN MAGHRIB
6.10 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.20 O-LA-LA — sambungan
6.30 ZERO ONE MAGAZINE

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS (AZAN ISYAK PADA JAM 7.15)
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 MARI MEMASAK: "Ayam Percik" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
7.55 AIRWOLF: "Escape"
Sekembalinya dari suatu misi perisikan dengan membawa sebuah mikrodot, Jo ditawan sebagai spy apabila pesawatnya dipaksa mendarat di tanah Soviet dan disumbatkan ke dalam kem tahanan Bulgaria, Jo bersahabat dengan seorang gadis gymnastik berbangsa Russia yang cuba hendak berpaling tadah ke Amerika, dan demi untuk terus hidup mereka memberi tentangan terhadap apa jua yang mereka alami.
8.45 FILLER
9.00 WARTA BERITA
9.25 BELIA
9.45 ARENA SUKAN
10.45 KANE AND ABEL
11.35 DOA PENUTUP SIARAN
11.45 SIARAN TAMAT.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mendengar taklimat mengenai tugas-tugas Pasukan Polis dalam membenteras penyalahgunaan dadah di negara ini yang disembahkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong (berdiri sebelah kanan).

# 15 KES PENAGIHAN DADAH DIKESAN

MUARA. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad berkata sejak tertubuhnya Bahagian Pusat Pemulihan Penagih Dadah di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, sejumlah 15 kes telah dirujuk daripada Unit Anti Dadah.

Menurutnya, 10 kes ialah kes-kes penghiduan gam dan 5 kes penagihan dadah. Dua di antara kes-kes itu telah dikenal pasti sebagai kes penagihan yang serius.

Pengiran Asmalee menyatakan demikian ketika menyembahkan taklimat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa baginda berangkat melawat ke Bahagian Pusat Pemulihan Dadah Sementara, di Pekan Muara Rabu lepas.

Dalam majlis taklimat itu baginda berkenan mengemukakan beberapa soalan yang berhubung dengan perkembangan penyalahgunaan dadah serta langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pusat pemulihan itu.

Kemudian baginda berkenan berangkat melawat ke beberapa bahagian yang terdapat di pusat itu seperti blok pentadbiran, blok asrama, dewan makan, blok rawatan, surau, bilik darjah dan bengkel.

Terdahulu sebelum itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Ibu Pejabat Polis Diraja, di Gadong.

Keberangkatan tiba baginda telah dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Pesuruhjaya Polis serta pegawai-pegawai kanan pasukan tersebut dan seterusnya diiringi ke bilik taklimat.

Di majlis itu, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar menyembahkan taklimat mengenai peranan dan tugas-tugas Pasukan Polis Diraja Brunei dalam membenteras penyalahgunaan dadah.

Sementara Ketua Siasatan Jenayah Ibu Pejabat, Dato Haji Yaakub bin PMDR Haji Zainal menyembahkan sejarah ringkas kemasukan dadah, keadaan penyalahgunaannya di negara ini dan perangkaan dalam tempoh tiga tahun.

Liputan oleh Ahat Ismail, Abd. Karim HAB

Zubaidah HS dan Haniza Abdullah

Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO, Pg. Hj. Yaakub dan Harun Rashid



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika meninjau di bilik asrama Pusat Pemulihan Dadah Sementara di Muara.

MASALAH penyalahgunaan negara ini terus diberi perh berat oleh Kerajaan Kebawah Maha Mulia Paduka Seri Bag dan Yang Di-Pertuan Nega Darussalam dengan mengamb langkah yang perlu bagi mem jala tersebut.

Ini ialah kerana penyalahgu adalah merupakan satu masalah boleh melemahkan masyarakat puhkan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Haji Hassanal Bolki din Waddaulah, Sultan dan Yang Negara Brunei Darussalam dalam sempena tahun baru 1986 pern



BAGINDA dengan penuh minat mendengar Unit Anti Dadah, Kementerian Pelajaran.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 363 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/28803
PEMBINAAN 1 BLOK — 8 UNIT BILIK DARJAH DI SEKOLAH RENDAH KATI MAHAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Oktober, 1987.

Tarikh tutup: 19 Oktober, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 364 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/0009110
KERJA-KERJA MEMBAIKI SEKOLAH RENDAH TANAH JAMBU, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Oktober, 1987.

Tarikh tutup: 21 Oktober, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 365 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/0009116
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA MASJID LABU TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Oktober, 1987.

Tarikh tutup: 21 Oktober, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 366 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/0009117
KERJA-KERJA MEMBAIKI BAHAGIAN LUAR DAN MEMASANG ATAP "CANOPY" DI VERANDAH DARI TINGKAT DUA HINGGA TINGAT ENAM, RUMAH PANGSA SENTOSA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Oktober, 1987.

Tarikh tutup: 21 Oktober, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 367 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kejuruteraan Awam Kelas "A" untuk:

PROJEK No.: AW417/0623
BEKALAN AIR BANDAR SERI BEGAWAN — PERINGKAT 4 — KONTRAK 36A — KOLAM DAN SALURAN PAIP AIR UNTUK KERJA-KERJA AWAM DI KILANAS, MELABAU DAN RIMBA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 November, 1987.

Tarikh tutup: 11 November, 1987.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 368 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "A" untuk:

PROJEK No.: 86AD/18900
KERJA-KERJA PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK KOMPLEKS KOLAM RENANG BAGI KOMPLEKS SUKAN KEBANGSAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Oktober, 1987.

Tarikh tutup: 21 Oktober, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 369 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK AD429/0401
KERJA-KERJA PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BANGUNAN BARU KAJICUACA BAGI PEMBESARAN KEMUDAHAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Oktober, 1987.

Tarikh tutup: 21 Oktober, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 370 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD521/0102
PEMBINAAN MASJID DI KAMPONG KERIAM, TUTONG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 Oktober, 1987.

Tarikh tutup: 26 Oktober, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 371 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/0009109
KERJA-KERJA MEMBAIKI DI SEKOLAH RENDAH ANGGEREK DESA, KAMPONG ANGGEREK DESA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Oktober, 1987.

Tarikh tutup: 28 Oktober, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 372 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/0009108
MEMBAIKI TANDAS DAN KERJA-KERJA MENGUBAHSUAI DI SEKOLAH MENENGAH AWANG SEMAUN, SUNGAI KEBUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 24 Oktober, 1987.

Tarikh tutup: 28 Oktober, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 373 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kejuruteraan Awam Kelas "A" untuk:

PROJEK No. AW517/0408
BEKALAN AIR BANDAR SERI BEGAWAN — PERINGKAT 4 — KONTRAK 36B — KOLAM DAN SALURAN PAIP AIR UNTUK KERJA-KERJA AWAM DI DEDAP DAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 November, 1987.

Tarikh tutup: 11 November, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 374 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AW531/0401
CADANGAN KERJA-KERJA MEMPERBAIKI SUNGAI MANGSALUT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Rabu 28 Oktober, 1987.

Tarikh tutup: 4 November, 1987.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan untuk membersihkan dalam/luar Bangunan Mahkamah Besar di Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, di Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Isnin 26 Oktober, 1987, jam 12.00 tengah hari.

3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Semua tawaran hendaklah dikirimkan dengan sampul surat yang bertutup rapi (sealed) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong. Di sebelah atas sudut kiri sampul surat hendaklah dituliskan nama "TAWARAN PEMELIHARAAN DALAM / LUAR BANGUNAN MAHKAMAH BESAR."

5. Wang pendahuluan tawaran hendaklah dibayar ke Bilik Ketua Pendaftar, Mahkamah Besar, Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sebanyak $300.00 (tunai). Wang ini akan dikembalikan kepada semua pemohon-pemohon yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran-tawaran yang jujur (bone-fide tender).

6. Tawaran ini adalah untuk tempoh dua tahun (mulai dari tarikh perjalanan ditandatangani).

7. Borang tawaran, syarat-syarat tawaran dan penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi daripada Mahkamah Besar Batu 1, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua bentuk tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENJARA

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan barang-barang makanan kepada banduan-banduan di Rumah Penjara Jerudong bagi tempoh selama satu tahun mulai dari 1 Mac, 1988 hingga 28 Februari, 1989.

2. Butir-butir lanjut dan borang mengenai dengan tawaran boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Penjara, Rumah Penjara Jerudong, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Wang cagaran tawaran ini ialah $100.00.

4. Mutu barang-barang yang dibekalkan itu mestilah memuaskan hati Pengarah Penjara atau Pegawai Yang Menjaga Rumah Penjara Jerudong, Negara Brunei Darussalam, jika barang-barang itu tidak memuaskan, maka ianya akan dikembalikan kepada pemborong dan diganti dengan yang baru atau yang lebih baik lagi dengan harga yang sama.

5. Semua barang-barang mestilah sampai di Rumah Penjara Jerudong tidak lewat jam 7.30 pagi pada tiap-tiap hari.

6. Kontrak ini bolehlah diberhentikan oleh kedua belah pihak dengan memberi dua bulan notis secara bertulis.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan "TAWARAN MEMBEKALKAN BARANG-BARANG MAKANAN PENJARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 November, 1987.

8. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

**No. 192/1987**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Marissan bin Haji Puasa kerana Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Jahat @ Sijahat binti Puasa yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 27 Oktober, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 28 September, 1987.

**No. 218/1987**

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dk. Rosni binti Pg. Haji Tengah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Pg. Ismail bin Pg. Haji Tajuddin yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 27 Oktober, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 29 September, 1987.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) KERANI PERAKAUNAN TINGKAT II :

(Bilangan Kod : 110 33–124)
(Di Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji** : C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) — Dua mata pelajaran di Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
— Berpengalaman bekerja dalam soal-soal perakaunan tidak kurang dari 3 tahun.
— Mempunyai kelulusan Peringkat Pertama L.C.C., R.S.A. dalam mata pelajaran yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya adalah satu kelebihan.

ATAU

ii) — Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani Tingkatan III tidak kurang dari 5 tahun.
— Lulus peperiksaan Kerani-kerani Rendah Kerajaan.
— Berpengalaman dalam bidang simpan kira dan bank.
— Mempunyai kelulusan dalam peringkat pertama Simpan Kira dan peraturan Pejabat Peringkat menengah dari Peperiksaan L.C.C., R.S.A. atau yang sebanding dengannya serta memiliki sijil mengikuti kursus mengendalikan Word Processor adalah satu kelebihan.

b) Berpengalaman dalam membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan percukaian, stamp-duty dan mengetahui serba sedikit akta-akta percukaian, Stamp Duty dan Companies (Authorised Auditors) Rules, adalah lebih diutamakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Membantu Pegawai-pegawai atasannya dalam mengendalikan kerja-kerja dan penyediaan kira-kira belanjawan tahunan dan belanjawan rancangan lima tahun.
b) Menyediakan kira-kira akhir akaun Jabatan dan kerja akaun lain yang bersangkutan.

2) PENJADUAL : (Bilangan Kod : 012 08–320)

(Di Jabatan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan)

**Tanggagaji** : C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

ATAU

C. 3 EB. 4 — $1990-$2650 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Higher National Diploma dalam bidang komputer atau kelulusan lain yang bersesuaian dan setaraf dengannya dalam bidang Penjadualan (Programming).

ATAU

ii) Higher National Certificate (HNC) dalam bidang komputer atau kelulusan lain yang bersesuaian dan sebanding dengannya dalam bidang Penjadualan (Programming).

ATAU

iii) — Diploma atau Sijil dalam Pengajian Komputer atau bidang yang bersesuaian dengan hal-hal Penjadualan (Programming) yang boleh diperakui.
— Mempunyai pengalaman bekerja tidak kurang dari lima tahun dalam bidang Penjadualan.

b) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris secara berkesan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

i) Untuk membuat penjadualan dan lain-lain kerja yang berkenaan seperti yang ditetapkan dari masa ke semasa.
ii) Membantu dan berhubung rapat dengan pegawai-pegawai di Lembaga Kemajuan Ekonomi ini berkaitan dengan proses memasukkan data-data permohonan projek-projek di Lembaga ini ke dalam komputer.
iii) Bertanggungjawab dalam hal-hal mengeluarkan dan membuat jadual-jadual pembayaran balik.
iv) Mengendalikan dan memasukkan setiap dokumentasi yang bersangkutan dengan Insuran, Surat Gadai, Bill of Sale dan sebagainya yang berkenaan dengan jaminan-jaminan ke atas pinjaman-pinjaman.
v) Bertanggungjawab ke atas keselamatan, kebersihan dan penggunaan Komputer-komputer di Lembaga ini.
vi) Menunjuk ajar dan memberi latihan kepada pegawai-pegawai lain dalam pengendalian komputer.
vii) Sentiasa menilai perkembangan dan kesesuaian komputer dalam mengendalikan urusan-urusan dan pentadbiran skim kemudahan kewangan dan segala tugas-tugas yang bersangkutan dengan tanggungjawab- lembaga ini.
viii) Sentiasa membuat penilaian dan laporan setiap kerja-kerja pengendalian dan yang dilaksanakan melalui komputer.

3) PENOLONG PEGAWAI PINJAMAN DAN AKAUN :

(Bilangan Kod : 012 11/030)
(Di Jabatan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan)

**Tanggagaji** : C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur antara 21 hingga 45 tahun.
b) i) Higher National Diploma dalam bidang Perakaunan/Pengurusan Akaun/Pengurusan perniagaan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) — Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III atau Institusi atau Firma Swasta dalam bidang perakaunan, kewangan, pentadbiran ekonomi atau pengurusan perniagaan tidak kurang dari lima tahun.
— Lulus dalam peperiksaan Simpan Kira dan Pengurusan Perniagaan (Business Management).

c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris secara berkesan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

1) Mengawal akaun, Ledger dan Uurusan-urusan pembayaran balik pinjaman-pinjaman di Lembaga Kemajuan Ekonomi dengan berhubung rapat dengan Pegawai-pegawai Projek dan Pegawai Pinjaman dan Akaun.
2) Memeriksa setiap dokumen-dokumen Insuran, Surat-Gadai, Bills of Sale, Pendaftaran Blue Card, Geran Tanah dan sebagainya.
3) Mempastikan dokumen-dokumen di atas selamat dalam simpanan Pejabat Lembaga Kemajuan Ekonomi.
4) Membuat atau menyediakan dokumentasi surat-surat Perjanjian sehingga selesai.
5) Membuat lawatan ataupun spotcheck ke tempat projek seperti yang diarahkan dan membuat laporan segera terhadapnya.
6) Membantu dalam membuat penilaian-penilaian projek yang akan ditentukan oleh Pengarah, Timbalan Pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan Lembaga ini.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat--surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 16 November, 1987.
( E/1749/87 )
Bilangan Pendaftaran : 105/1987.

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU TEKNIK KANAN :

( Bilangan Kod : 097 03 — 992 ).
( Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan ).

**Tanggagaji** : C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Higher National Certificate dalam bidang yang berkenaan.
ii) Pengalaman dalam bidang teknikal bahagian bangunan adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pembantu Teknik dalam bidang kerja yang berkaitan selama tidak kurang dari 5 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Memproses permohonan-permohonan pinjaman perumahan dan memeriksa bangunan-bangunan sebelum pembayarannya dikeluarkan.

2. PEMBANTU PERANCANG KANAN :

( Bilangan Kod : 096 02 — 137 ).
( Di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan ).

**Tanggagaji** : C. 3 EB. 4-5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Higher National Diploma (HND) atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang yang berkenaan.
ii) Berpengalaman dalam bidang Teknikal Bahagian Bangunan adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

b) i) 2 mata pelajaran dalam Peringkat Lanjutan dan 4 mata pelajaran Peringkat Biasa (dalam mata pelajaran Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Bahasa Inggeris dan Lukisan) dalam Sijil Am Pelajaran.
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam bidang teknikal tidak kurang dari 5 tahun.

3. PENOLONG PENSYARAH PERTANIAN :

( Bilangan Kod : 004 13 — 271 ).
( Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan ).

**Tanggagaji** : C.2-3 EB.4— $1450-$2620 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur tidak kurang dari 21 tahun.
b) i) Higher National Diploma dalam bidang Pertanian (Agriculture) atau dalam bidang Sains Gunaan (Applied Science) dalam Kaji Hayat/Kaji Tumbuhan, kelulusan dan bidang berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Ordinary National Diploma dalam jurusan yang tersebut di atas dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam bidang Pendidikan Pertanian tidak kurang dari 5 tahun.

c) i) Mempunyai Sijil atau Diploma Pendidikan atau mendapat latihan pendidikan dalam bidang Pendidikan Pertanian atau pernah menghadiri kursus-kursus Pertanian di dalam ataupun di luar negeri.

ATAU

ii) Calon-calon yang mempunyai kelulusan di (b) (i) atau (b) (ii) tetapi tidak mempunyai kelayakan di (c) (i) serta mempunyai minat dan kecenderungan dalam bidang Pendidikan Pertanian, bolehlah juga dipertimbangkan.

**Lain-lain Syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya dilantik ke jawatan Penolong Pensyarah Pertanian yang tidak mempunyai kelayakan Diploma Pendidikan atau tidak mendapat latihan dalam Pendidikan Pertanian, adalah dikehendaki untuk mendapatkannya (latihan pendidikan dalam Pendidikan Pertanian) dalam masa tempoh percubaannya, iaitu sebelum ditetapkan dalam jawatan. Untuk mendapatkan kelayakan ini, calon-calon yang dilantik bolehlah dibenarkan untuk mengikuti kursus, secara latihan dalam perkhidmatan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 12 November, 1987
( E/1810/83 )
( Bilangan Pendaftaran : 91/1987 ).

### PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1.0 Nama projek :
Bilangan tawaran : JKP/18/1987
CADANGAN PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK DI KAMPONG PERPINDAHAN SERASA, MUARA.

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari :

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

mulai hari Rabu 14 Oktober hingga hari Selasa 3 November, 1987.

3.0 Kelayakan pemborong : Kelas "AX" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran : $500.00 + $150.00 (dokumen) + $100.00 (lukisan).

5.0 Tarikh tutup : Hari Rabu 4 November, 1987 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Pejabat Setiausaha Tetap (T),
Tingkat 1,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN MEMBEKALKAN KERTAS-KERTAS PERCETAKAN/BOARD/KERTAS SALINAN/KERTAS TAIP/ KERTAS BERGARIS KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1988

## 01/GP/17/87

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 16 November, 1987 bagi membekalkan perkara-perkara seperti di bawah ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1988.

KERTAS-KERTAS/BOARD

| ITEM | KETERANGAN-KETERANGAN | BAHAN | UKURAN | BANYAK |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Japanese/Korean/Finland Woodfree Printing Paper Glazed | 60gsm | 31x43ins | 2000 Rms |
| 2. | Japanese/Korean/Finland Woodfree Printing Paper Glazed | 80gsm | 31x43ins | 2500 Rms |
| 3. | Japanese/Korean/Finland Woodfree Printing Paper Glazed | 100gsm | 31x43ins | 500 Rms |
| 4. | Japanese/Korean/Finland Woodfree Printing Paper Glazed | 120gsm | 31x43ins | 400 Rms |
| 5. | Japanese/Korean/W. Germany Artpaper Plain/White/BSC | 105gsm/ 115gsm. | 31x43ins | 800 Rms |
| 6. | Japanese/Korean/W. Germany Artpaper Plain/White/BSC | 105gsm/ 115gsm. | 25x37ins | 500 Rms |
| 7. | Japanese/Korean/W. Germany Artpaper Plain/White/BSC | 128gsm/ 135gsm | 31x43ins | 800 Rms |
| 8. | Japanese/Korean/W. Germany Artpaper Plain/White/BSC | 128gsm/ 135gsm | 25x37ins | 800 Rms |
| 9. | Japanese/Korean/W. Germany Artpaper Plain/White/BSC | 157gsm | 31x43ins | 200 Rms |
| 10. | Japanese/Korean Egg-Shell Embossed Artpaper Plain/White | 128gsm | 31x43ins | 800 Rms |
| 11. | Swedish/Japanese Matt Artpaper Plain/White | 128gsm | 31x43ins | 300 Rms |
| 12. | United Kingdom Stratacolour Text Paper White (Wiggins Teape Product) | 89gsm | 640x900mm (SRA1) | 300 Rms |
| 13. | United Kingdom Stratacolour Cover Paper White (Wiggins Teape Product) | 176gsm | 640x900mm (SRA1) | 100 Rms |
| 14. | Keaycolour (UK) Crepon Electric Blue | 250gsm | 640x970mm | 50 Pkts |
| 15 | Keaycolour (UK) Raffia Jewel Green | 250gsm | 640x970mm | 50 Pkts |
| 16. | Keaycolour (UK) Raffia Royal Blue | 250gsm | 640x970mm | 50 Pkts |
| 17. | Keaycolour (UK) Raffia Muscatal | 250gsm | 640x970mm | 50 Pkts |
| 18. | Japanese/UK/Finland Cast Coated Board BSC/Plain/White | 260gsm | 31x43ins | 1000 Pkts |
| 19. | Japanese/Taiwan Tinted Board. Warna seperti berikut :<br>a) Yellow — 600 Packets<br>b) Pink — 600 Packets<br>c) Green — 700 Packets<br>d) Blue — 1000 Packets<br>e) Grey — 800 Packets<br>f) Buff — 800 Packets | 330gsm | 22x30ins | 4500 Pkts |
| 20. | Japanese/UK White Artboard BSC/Plain | 260gsm | 31x43ins | 2000 Pkts |
| 21. | Australian/Austrian/UK/Japanese Bond Paper. Warna seperti berikut :<br>a) White — 700 Reams<br>b) Pink — 500 Reams<br>c) Yellow — 500 Reams<br>d) Blue — 1000 Reams<br>e) Green — 500 Reams | 60gsm | 685x865mm | 3200 Rms |
| | KERTAS BERGARIS (RULED PAPER) | | | |
| 22. | Kertas Bergaris Putih dan Bergaris Biru (Dibungkus 1 Ream (500 keping) setiap bungkus | 60gsm | 210x297mm (A4) | 2000 Rms |
| | KERTAS SALINAN (DUPLICATING PAPER) | | | |
| 23. | Korean/Japanese/Taiwan Dpulicating Paper Tinted. Warna seperti berikut :<br>a) Pink — 200 Reams<br>b) Yellow — 200 Reams<br>c) Green — 200 Reams<br>d) Blue — 200 Reams | 70gsm | 665x845mm | 800 Rms |
| 24. | Korean/Japanese/Taiwan Duplicating Paper White/Tinted (Hendaklah dibungkus 1 Reams (500 keping) setiap bungkus dengan menggunakan kertas kraft 95gsm). Warna seperti berikut :<br>a) White — 8000 Reams<br>b) Pink — 10000 Reams<br>c) Yellow — 2500 Reams<br>d) Green — 3000 Reams<br>e) Blue — 4500 Reams | 70gsm | 210x297mm (A4) | 28000 Rms |
| | KERTAS TAIP | | | |
| 25. | Australian/Austrian/UK/Japanese White Bond. (Hendaklah dibungkus 1 Ream (500 keping) dalam satu bungkus dengan menggunakan kertas kraft 95gsm) | 60gsm | 210x297mm (A4) | 10000 Rms |
| | STRAWBOARD | | | |
| 26. | Australian Strawboard | 16ozs | 26x31ins | 4 M Ton |
| 27. | Australian Strawboard | 32ozs | 26x31ins | 6 M Ton |

ii. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

iii. Semua tawaran **hendaklah** disertakan dengan contoh kertas, Cap atau Brand Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam borang tawaran yang disediakan. Kegagalan mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.

iv. Jika ada tawaran yang dibuat selain daripada seperti yang ditetapkan, segala penentuan (specifications) mengenai Kertas-kertas tersebut hendaklah dinyatakan dengan terang beserta contoh-contoh sekali seperti yang dikehendaki.

v. Harga-harga tawaran hendaklah dihantar terus ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam, sementara contoh-contoh bolehlah dihantar kepada **Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.** Semua contoh-contoh hendaklah dihantar tidak lewat jam 4.30 petang, hari Isnin 16 November, 1987.

vi. Semua harga tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun Kertas-kertas yang dibekalkan ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Harga-harga yang ditawarkan adalah harga-harga pembekalan yang sebenar tanpa mempunyai sebarang syarat seperti tempoh sah harga (Price Validity) atau sebagainya. Sebarang cukai jika ada, atau penyewaan gudang dan lain-lain bayaran adalah atas perbelanjaan pembekal sendiri sepertimana mengikut Surat Keliling Jabatan Perbendaharaan Bil. 12/1987. Tempoh keputusan tawaran tidak dapat ditentukan. Penukaran harga selepas pemberitahuan tidak akan dilayan.

vii Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda si pengirim dan hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran
Kementerian Kewangan
Tingkat 4, Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan 1130
Negara Brunei Darussalam

dengan menanda di sampul surat itu : —

PEMBEKALAN KERTAS-KERTAS 1988
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(01/GP/17/87)

viii. Borang tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

ix. Cagaran tawaran sebanyak **$3,000.00** atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah wang cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran. Salinan resit **hendaklah** disertakan bersama di dalam tawaran yang dihadapkan. Cagaran akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya sebaik saja keputusan diterima. Kepada pembekal-pembekal yang berjaya, wang cagaran cuma akan dikembalikan sebaik saja pembekalan penuh dibuat.

x. Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki mengikat perjanjian (kontrak) dan bersetuju membekalkan dengan harga seperti yang ditawarkan serta dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut : —

a) 50% dihantar dalam tempoh 75 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.
b) 50% dihantar dalam tempoh 45 hari selepas penghantaran pertama.

Di samping itu juga syarikat yang berjaya akan bersetuju bagi membekalkan, jika ada pembelian tambahan, dengan harga seperti yang ditawarkan dalam tempoh masa tahun pembekalan.

xi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah berhak menolak tawaran atau mengenakan sebarang denda yang berpatutan bagi pembekalan yang lambat iaitu dikira dari tarikh penghantaran pertama seperti yang ditentukan atau membatalkan perjanjian (kontrak) dengan pembekal pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan atau notis. Mana-mana pembekal yang didapati tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan atau tidak menepati tarikh penghantaran, sebagai tambahan, Jabatan ini akan membuat laporan penuh mengenai kegagalan tersebut kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

xii. Syarikat-syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian (kontrak) dengan Pengarah Percetakan serta bersetuju mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan Kerajaan yang ada pada masa ini.

xiii. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran dan adalah berhak mengurangkan atau menambah bilangan banyak yang diperlukan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerjaaan, Negara Brunei Darussalam.

1) GURU PERTUKANGAN TANGAN KANAN

(Bilangan Kod : 080 13–992)

(Di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

**Tanggagaji :** D. 2 EB. 3-4-5 — $650-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Sijil City and Guilds Craft Level dalam Furniture Making atau dalam Carpentry and Joinery atau yang sebanding dengannya dan berpengalaman praktikal sekurang-kurangnya lima tahun.

ATAU

ii) Sijil City and Guilds Advanced Craft dalam Furniture Making atau dalam Carpentry and Joinery atau yang sebanding dengannya.

b) Fasih dan mahir bercakap serta menulis dalam Bahasa Melayu.

c) Berpengalaman dan kepandaian dalam berbagai-bagai jenis pertukangan adalah satu kelebihan.

d) Pengalaman dalam menjaga keselamatan banduan-banduan adalah satu keutamaan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Menjaga dan memelihara dengan sempurna segala harta benda Kerajaan yang bersangkutan dengan pertukangan atau perusahaan penjara.

b) Mengawal keselamatan banduan-banduan yang bekerja di bengkel pertukangan tangan.

c) Melatih dan mengajar banduan-banduan dalam pertukangan tangan.

d) Memungut hasil pendapatan perusahaan, mengeluarkan surat tuntutan (bill) atau resit kepada pihak berkenaan dan menyerahkan segala hasil pendapatan Jabatan ini kepada Kerani Tingkatan II bagi tindakan selanjutnya.

e) Membeli dan memesan (dengan kebenaran Pengarah Penjara) barang-barang atau alat-alat perkakas yang diperlukan bagi perusahaan.

f) Menentukan harga barang-barang yang ditempah dan mengeluarkan barang-barang tersebut kepada pemesan.

g) Menjalankan kerja-kerja atau tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Penjara atau Pegawai-pegawai atasan yang lain dari semasa ke semasa.

2) TUKANG UBAT TERLATIH

(Bilangan Kod : 062 06–813)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhdimatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

**Tanggagaji :** M. 6 — $1540-$1850 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Kelulusan Asas Sijil Tukang Ubat atau yang sebanding daripada Pusat Pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Pemohon-pemohon daripada seberang laut hendaklah memberikan bukti yang mereka telah pernah berkhidmat sebagai Tukang Ubat Terlatih bagi tempoh sekurang-kurangnya dua tahun.

c) Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

d) Berkebolehan tambahan dalam bahasa lain di samping yang disebutkan adalah menjadi satu kelebihan.

e) Berumur tidak kurang daripada 20 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Bertanggungjawab kepada Ahli Kimia Ubat yang mengetuai mana-mana Unit atau Dispensari ianya ditempatkan atau kepada Ketua Tukang Ubat di waktu-waktu ketiadaan Ahli Kimia Ubat.

Tugas-tugas seperti berikut : —

1. Mengeluarkan ubat-ubat kepada pesakit mengikut yang diaturkan oleh penentubat (prescriber).
2. Menyemak mana-mana penentuan ubat yang tidak difahami atau disyaki tidak betul, dengan Ahli Kimia Ubat untuk kebenaran atau tindakan sebelum diberikan kepada pesakit.
3. Memberikan penerangan kepada pesakit tentang kegunaan ubat yang diberikan secara bertulis dan percakapan, termasuk cara menggunakan, lama penggunaan dan kesan-kesan sampingan yang perlu diketahui oleh pesakit.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 November, 1987.
Bilangan Pendaftaran : 100/1987.
( E/941/83 )

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PENGAWAS KENDERAAN

(Bilangan Kod : 030 70–095)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji :** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Higher National Certificate/BEC atau TEC Higher Certificate in Automobile, Motor Vehicle Engineering Management atau kelulusan dalam bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam kerjaya yang berkaitan dengan kenderaan tidak kurang dari 8 tahun.

ii) City and Guilds yang bersesuaian.

iii) Berkebolehan memperbaiki kenderaan.

**Lain-lain Syarat :**

Pemohon-pemohon yang tercalon akan diuji secara teori dan praktik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Mengawal secara keseluruhan bengkel pusat.

b) Mengawal serta bertanggungjawab bagi kerja-kerja penyelenggaraan, pemeliharaan dan membaiki kenderaan.

c) Bertanggungjawab ke atas keselamatan kakitangan di bawah jagaannya, keselamatan kerja dan alat-alat mesin.

2) PEGAWAI PEMBELIAN TINGKAT II :

(Bilangan Kod : 059 42–233)

(Di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan)

**Tanggagaji :** C.3-4 EB.5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Higher National Diploma (HND) di dalam bidang Perdagangan, Accounting atau Pentadbiran Awam atau kelulusan dan bidang yang bersesuaian sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III tidak kurang dari 5 tahun.

ii) Tiga mata pelajaran peringkat biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

iii) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris.

**Lain-lain Syarat :**

Calon-calon mestilah mengetahui Peraturan-peraturan Kewangan (Financial Regulations).

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Melaksanakan kerja-kerja yang bersangkut-paut dengan hal-ehwal pembelian bagi keperluan-keperluan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 9 November, 1987.

( E/1716/86 )

Bilangan Pendaftaran: 104/1987.

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) KETUA PEMBANTU TEKNIK :

(Bilangan Kod : 072 03–991)

(Di Jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Umur 20–45 tahun.

b) i) Higher National Diploma (HND) dalam bidang yang berkaitan.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan dalam kerja-kerja yang berkaitan tidak kurang dari lima tahun.

c) Berpengalaman yang praktikal dalam bidang mekanik/elektrik adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Bertanggungjawab menguasai woksyop mekanik (kenderaan).

2) PENDAFTAR RAHSIA BESAR :

(Bilangan Kod : 072 19–178)

(Di Jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

**Tanggagaji :** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) HNC dalam jurusan yang bersesuaian atau kelulusan dalam bidang berkaitan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan di Bahagian IV tidak kurang dari lima tahun.

b) Berpengalaman dalam bidang mendaftar dan menyimpan dokumen-dokumen yang diperjeniskan Rahsia Besar merupakan satu kelebihan.

c) Pengetahuan Bahasa Melayu adalah mustahak.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Mendaftar dokumen-dokumen yang diperjeniskan rahsia besar.

b) Menyimpan dan menjaga keselamatan fail-fail yang diperjeniskan rahsia besar.

c) Mengemaskinikan fail-fail dari masa ke semasa.

d) Memastikan keselamatan segala dokumen-dokumen dan harta benda dalam bilik khazanah rahsia besar.

e) Mengendalikan tugas-tugas semasa ketiadaan/cuti Setiausaha Sulit kepada Ketua Jabatan.

3) KETUA JURUTEKNIK UKUR :

(Bilangan Kod : 094 03–335)

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB. 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) TEC Higher Diploma dalam Land Surveying, atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman dalam pentadbiran merupakan kelebihan.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Juruteknik Ukur Kanan, Penyelia Ukur atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari lima tahun.

ii) Berpengalaman dalam salah satu bidang kerja-kerja ukur tanah dan pentadbiran.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 9 November, 1987.
( E/1549/82 )
Bilangan Pendaftaran : 108/1987.

## PERMAINAN GOLF:

# Beri peluang, galakan kepada pemain muda



JUARA wanita ....... Eva Williams menerima piala rebutan yang disampaikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail. — Gambar oleh Pg. Hj. Yaakub.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien berkata Persatuan Golf Brunei seharusnya memberikan peluang dan galakan kepada pemain-pemain muda tanahair menceburi lapangan permainan golf.

Menurut Yang Berhormat jika diperhatikan permainan golf hanya popular di kalangan pemain-pemain yang berada saja dan apa yang diharapkan ialah permainan ini tidak akan hanya tergolong kepada golongan tertentu saja.

"Kepopularan permainan ini telah terbukti di mana buat pertama kalinya perlawanan golf telah dimasukkan dalam salah satu acara yang dipertandingkan dalam Kejohanan Sukan Asia Tenggara ke-14 di Jakarta baru-baru ini," jelasnya.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien berkata demikian dalam buku Rancangan Kejohanan Golf Terbuka Amatur Brunei.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat berharap agar, "Pihak Kelab Golf Pantai Mentiri akan dapat memainkan peranan yang penting yang bukan saja dalam mengendalikan kejohanan ini bahkan juga dalam menjayakan kursus-kursus atau latihan untuk menampilkan bakat-bakat baru."

Kejohanan yang berlanggung tiga hari itu disertai oleh sejumlah 145 orang pemain lelaki dan 25 orang pemain wanita dari beberapa buah kelab-kelab dari Indonesia, Filipina, Malaysia, Singapura dan negara tuan rumah.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika membuat pukulan dalam kejohanan Golf Terbuka Amatur Brunei ke-10. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

# Pemain Filipina juara

PEMAIN Filipina Dave Hernandez terpaksa 'berhempas pulas' dalam perlawanan tambahan untuk muncul sebagai juara setelah menyingkirkan dua pencabarnya iaitu Peter Wong dari Sabah dan M. Balraj dari Singapura dalam perlawanan 'penentuan' Kejohanan Golf Terbuka Amatur Brunei kali ke-10 yang berlangsung di Kelab Golf Pantai Mentiri, Ahad lepas.

Perlawanan penentuan 'tiga penjuru itu' terpaksa diadakan disebabkan mereka masing-masing meraih jumlah mata yang sama setelah menamatkan kesemua pukulan ke dalam 54 lubang golf.

Hasil daripada perlawanan penentuan itu Dave Hernandez yang mewakili Kelab Golf Canlubang keluar sebagai juara. M. Balraj yang mewakili Kelab Golf Sembawang menduduki tempat kedua, manakala Peter Wong yang mewakili Kelab Golf Sabah menduduki tempat ketiga.

Dalam bahagian 'wanita, Eva William dari Kelab Panaga muncul sebagai juara. Tempat kedua dan ketiga disandang oleh pemain-pemain dari Kelab Golf Rawamangun iaitu Ida Makasuci dan E. Rocroh.

Dalam perlawanan antara orang-orang kenamaan pula Dato Paduka Awang Haji Chuchu Penglima Asgar Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan telah menjadi juara. Kedua ialah Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Haji Sulaiman dan ketiga Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## Pembetulan

TARIKH akhir menghantar borang kejohanan badminton antara kementerian-kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri ialah 24 Oktober dan bukannya 14 Oktober seperti yang tersiar dalam Pelita Brunei minggu lalu.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

# BELIA & SUKAN

## Perlawanan akhir Squash

PERLAWANAN akhir Kejohanan Squash antara cawangan-cawangan Pasukan Polis Diraja Brunei telah berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong, Rabu lepas.

Kejohanan yang bermula pada bulan September lepas itu disertai oleh tiga buah pasukan cawangan-cawangan Polis iaitu Cawangan A, B, dan E. Cawangan A muncul sebagai juara



INI bolanya ........ begitulah yang dibisikkan oleh pemain sebelah kiri ini dalam perlawanan squash antara cawangan-cawangan Pasukan Polis Rabu lepas. — Gambar oleh Harun Rashid.





PENGARAH Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee ketika menerima cek bernilai $15,000 daripada Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (atas kiri). Sementara Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Abd. Rahman, menerima sumbangan derma dari WI Brunei yang disampaikan oleh Pengiran Hajjah Rohana (atas kanan). — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub dan Pg. Bahar PHO.

# Dua sumbangan derma diterima

BERAKAS. — Tabung Kebajikan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah menerima sumbangan sebanyak $15,000 dari Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Setiausaha Agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, Awang Haji Omar bin Muhammad kepada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Haji Ahmad.

Sementara itu Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei (WI) baru-baru ini juga telah mendermakan sebanyak $2,000 kepada Tabung Anak-Anak Yatim Negara.

Derma hasil dari jualan kuih-muih yang dijalankan oleh WI Hari Raya lepas telah disampaikan oleh Pengiran Hajjah Rohana binti Duli Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammad kepada Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Abd. Rahman bin Haji Mohiddin di pejabat beliau di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Berakas.



# BELIA & SUKAN



PENGARAH Kebajikan, Belia dan Sukan, Pg. Asmalee menerima sumbangan derma dari Yang Dipertua Persatuan PERKASA, Awg. Abdul Jalil bin Haji Bakar. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Persatuan PERKASA derma dua ribu ringgit

BANDAR SERI BEGAWAN. Persatuan Kampong Saba (PERKASA) telah menyumbangkan derma yang berupa wang tunai sebanyak $2,000 untuk Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan pada hari Khamis, 8 Oktober lepas.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan PERKASA, Awang Abd. Jalil bin Haji Abu Bakar kepada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan di Lapangan Terbang Lama, Berakas, dengan disaksikan oleh beberapa orang pegawai kanan jabatan itu.

Menurut jurucakap Persatuan PERKASA derma tersebut adalah hasil dari kutipan konsert tabung amal sempena "Tahun Kebajikan Kebangsaan" yang telah diadakan di dua buah tempat di negara ini baru-baru ini di Bandar Seri Begawan selama dua hari dari 18 hingga 19 Ogos dan di Daerah Temburong pada 16 Ogos lepas.

PELITA BRUNEI difahamkan bahawa konsert tersebut adalah anjuran Persatuan PERKASA dengan kerjasama Kedutaan Besar Republik Indonesia di sini. Persatuan PERKASA adalah salah sebuah persatuan yang masih bergiat cergas di negara ini dalam membuat berbagai-bagai aktiviti terutama dalam bidang kebajikan yang mana patut dicontohi oleh persatuan-persatuan lain di negara ini.

## Sumbangkan kerusi roda untuk anak cacat

JALAN TUTONG. — Seorang cacat yang menderita penyakit lumpuh, Dayang Sainah binti Seruddin berusia 16 tahun dari Kampong Sungai Kebun di Kampong Ayer telah menerima sumbangan sebuah kerusi roda dari Dayang Elizabeth Ang.

Penyampaian sumbangan tersebut disaksikan oleh Penguasa Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Dr. Jacob selaku wakil Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawai Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Sumbangan persendirian ini adalah yang pertama kali dibuat oleh orang perseorangan. Kementerian Kesihatan sangat mengalu-alukan sumbangan persendirian dari orang ramai kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik.



DAYANG Sainah bte Seruddin tersenyum tanda bersyukur kerana menerima sumbangan sebuah kerusi roda sambil diperhatikan oleh Penguasa Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Dr. Jacob. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

## 35 peserta sertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara

BERAKAS. — Seramai 35 peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 1987 dari negara ini telah bertolak ke Jakarta pada pagi Jumaat lepas bagi mengikuti rancangan berkenaan.

Mereka diketuai oleh Awang Mohd. Noor bin Haji Abdullah selaku 'National Leader' yang bertolak lebih awal. Manakala Awang Abd. Shamad bin Ali pula selaku 'Youth Leader'.

Satu upacara penyerahan bendera negara telah berlangsung yang disempurnakan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad sejurus sebelum rombongan itu berangkat.

Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun. Tahun ini para peserta yang terdiri dari negara ASEAN dan Jepun berkumpul di Jakarta dan akan singgah di setiap negara ASEAN dan Jepun menaiki kapal 'NIPPON MARU'.

Negara Brunei Darussalam mulai menyertai rancangan berkenaan pada tahun 1984 selaku pemerhati dan menyertai sepenuhnya pada tahun berikutnya.

PELITA BRUNEI difahamkan kapal rancangan belia 'NIPPON MARU' akan singgah di negara ini pada 4 November depan.




PEGAWAI Penerangan, Awang Haji Sulaiman bin Haji Wahab menyampaikan taklimat kepada serombongan pelawat dari Kelab Sukan Rekreasi Sabah Gas Wilayah Persekutuan Labuan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

## Lawatan Kelab Sukan WP Labuan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Serombongan 65 orang ahli Kelab Sukan Rekreasi Sabah Gas Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan lawatan muhibah ke Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada hari Sabtu, 10 Oktober lepas.

Sejurus tiba di negara ini mereka telah diberi taklimat mengenai struktur Bahagian Penerangan oleh Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab, Pegawai Penerangan selaku Setiausaha Agung, Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Penyiaran dan Penerangan (BKDS).

Dalam taklimatnya Awang Haji Sulaiman menerangkan Jabatan Penerangan adalah merupakan sebuah jabatan kerajaan yang tertua di Brunei dan diwujudkan dalam tahun 1953 yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat-maklumat kerajaan untuk orang ramai.

Rombongan tersebut juga dibawa melawat ke Kompleks Radio Televisyen Brunei dan mengadakan ramah mesra dengan ahli-ahli BKDS.

Menurut Yang Dipertua kelab tersebut, Awang Abd. Jalil yang juga selaku ketua rombongan menerangkan bahawa lawatan muhibah selama dua hari itu adalah bertujuan antara lain untuk mengeratkan tali persahabatan di antara dua belah pihak.

Semasa berada di sini ahli-ahli rombongan telah sempat mengadakan beberapa perlawanan persahabatan dengan BKDS.

# Nikmati hubungan yang erat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Francisco Fernandez Ordonez, Menteri Hal Ehwal Luar Sepanyol sempena Hari Kebangsaan negara tersebut yang jatuh pada 12 Oktober, 1987.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia telah melahirkan kegembiraan di mana Negara Brunei Darussalam dan Sepanyol telah dapat menikmati perhubungan yang rapat sejak hubungan diplomatik ditubuhkan antara kedua buah negara.

Untuk itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah penuh berharap agar kedua buah negara akan terus berusaha mencari jalan pada meningkatkan kerjasama yang luas untuk kepentingan bersama.

# Mesyuarat Agung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Perpustakaan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Mesyuarat Agung kali ke-II pada hari Ahad, 18 Oktober 1987 jam 1.00 petang bertempat di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka. Ahli-ahli persatuan adalah dikehendaki hadir dan memakai pakaian kebangsaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam menerima junjung ziarah dari Menteri-Menteri Kabinet dan pegawai-pegawai kanan kerajaan sejurus sebelum berangkat ke Kanada. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

# DYMM berangkat ke Kanada

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berangkat ke Vancouver, Kanada pada hari Sabtu, 10 Oktober lepas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Kanada bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang telah berlangsung semalam hingga 17 Oktober, ini.

Berangkat sama menyertai rombongan baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan.

Berangkat ke lapangan terbang bagi mengucapkan selamat belayar kepada baginda dan rombongan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah serta kerabat-kerabat diraja yang lain.

Juga berada di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat belayar termasuklah Menteri-menteri Kabinet beserta isteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian, duta-duta asing

## Persatuan Pandu Puteri maju setapak lagi

# DITERIMA JADI AHLI WAGGGS TAHUN 1990

Oleh Dk. Fatimah PHMN

**GADONG. — Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam akan maju setapak lagi dan akan mempunyai dan mengambil peranan yang penting di peringkat antarabangsa.**

**Pada tahun 1990 nanti, persatuan tersebut akan diterima menjadi ahli penuh Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Wanita Sedunia (WAGGGS).**

Demikian dinyatakan oleh Pesuruhjaya Negara Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Datin Paduka Hajjah Zahrah binti Haji Idris ketika berucap di majlis perhimpunan Hari Pandu Puteri di Stadium Hassanal Bolkiah di Ibu Pejabat Polis di sini pada 11 Oktober lalu.

Katanya, ketika ini Persatuan Pandu Puteri telah pun diterima sebagai ahli Bersekutu Persatuan Pandu Puteri dan Persatuan Pengakap Wanita Sedunia ketika persidangannya yang diadakan di Kenya pada 24 Julai hingga 4 Ogos 1987 yang lalu.

Di samping itu, Datin Paduka Hajjah Zahrah menaruh harapan semoga Persatuan Pandu Puteri akan melahirkan perpaduan dan silaturahim yang kekal di kalangan ahli-ahli khasnya dan rakyat serta penduduk negara ini amnya, sambil membaharui tekad Persatuan Pandu Puteri iaitu taat kepada Allah Subhanahu Wataala, setia kepada raja dan negara, menolong orang setiap masa dan mengikut undang-undang Pandu Puteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika berangkat menghadiri Hari Pandu Puteri baru-baru ini. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

# Menerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama telah diberi penghormatan menerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (The South East Asian Write Awards) di Bangkok atas sumbangan Yang Dimuliakan Pehin dalam bidang puisi, minggu lalu.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Putera Mahkota Thailand, Maha Vajiralongkorn. Pemberian anugerah itu dibuat setiap tahun kepada seorang tokoh sastera setiap negara ASEAN.

Yang Dimuliakan Pehin telah menulis 500 sajak. Penulisannya meliputi tentang hal-hal keagamaan. Yang Dimuliakan Pehin merupakan orang kedua menerima anugerah itu di negara kita. Penerima pertama ialah penulis Awang Haji Muslim bin Haji Burut, Pegawai Bahasa, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di majlis penyampaian anugerah itu juga telah dihadiri oleh Duta Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Hamid Jaafar.

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.